



Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

(Dikumpul, diterjemah dan disusun oleh: Abdul Aziz al-Murshidi)

Al-Qur'ān

Tiadalah Kami utus engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat kepada alam semesta.

(Sūrah al-Anbiyā': 107)

* * *

Dialah (Allah) yang mengutus rasul-Nya (Muhammad) dengan membawa hidayah dan agama kebenaran, supaya ditempatkan-Nya agama itu di atas segala agama, sekalipun orang-orang Mushrikīn tidak menyukainya.

(Al-Tawbah: 33)

* * *

Sebagaimana (yang kamu lihat) Kami (Allah) telah mengutus kepada kamu seorang rasul (Muhammad) dari golongan kamu sendiri, dibacakannya kepada kamu ayat-ayat Kami, disucikannya (jiwa) kamu, diajarkannya kepada kamu al-kitāb (al-Qur'ān) dan juga diajarnya kepada kamu segala apa yang belum kamu ketahui.

(Sūrah al-Baqarah: 151)

Tiadalah Muhammad itu melainkan hanya seorang rasul, sesungguhnya telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul, apakah kalau ia (Muhammad) itu wafat atau terbunuh, kamu akan surut ke belakang? (Kembali kepada kekufuran), dan siapa yang surut ke belakang maka tiadalah akan memudaratkan Tuhan sedikit pun, dan Tuhan akan memberikan ganjaran (pahala) kepada orang-orang yang bersyukur.

(Sūrah Āli 'Imrān: 144)

Al-Ḥadīth

Wahai pamanku! Kalau mereka letakkan matahari di sebelah kanan saya dan bulan di sebelah kiri saya, agar supaya saya tinggalkan pekerjaan ini (menyeru umat manusia kepada agama Islam) sehingga ia dilahirkan Allah ataupun saya akan binasa kerananya; tidak akan saya tinggalkan.

* * *

Wahai manusia! Siapa di antara kamu yang pernah aku sebat punggungnya, maka inilah punggungku supaya ia mengambil pembalasan, siapa yang pernah aku hinakan kehormatannya, maka inilah kehormatanku supaya ia mengambil pembalasan, dan siapa yang pernah aku ambil hartanya, maka inilah hartaku supaya ia mengambilnya kembali. Tidak usah takut-takut kalau aku membalas dendam, kerana dendam-mendendam itu bukanlah daripada sifatku!

Keterangan gambar kulit:

Memandang kepada keadaan negara memerlukan

tenaga dari para intelek dan dengan dorongan oleh semangat kebangsaan yang tebal tertanam di jiwanya, maka Tun Dr. Ismail bin Dato'
Abdul Rahman telah kembali berjuang di lapangan politik tanah air memegang jawatan penting yang telah ditinggalkannya selama 2 tahun sebagai Menteri dalam Negeri.

Hukama

Apabila kamu dapati di dalam kitabku sesuatu (hukum) yang menyalahi sunnah Rasulullah (S.A.W), maka hendaklah kamu pakai sunnah Rasulullah (S.A.W) dan tinggalkan perkataanku itu.

(Imam al- al-Shāfi'ī).

* * *

Sifat-sifat pemimpin yang tersemat di jiwa Rasulullah (S.A.W) ialah:

Percaya kepada diri sendiri,

menghargai jasa-jasa orang-orang yang
berjasa, membela rakyat jelata yang
hidup tertindas, berdukacita
di atas kesusahan yang menimpa orang
lain, bersukacita dengan nikmat yang mereka
perolehi, tidak pernah menghampakan
harapan orang-orang yang meminta pertolongan,
berlaku adil kepada semua golongan dan
jujur ikhlas melakukan sesuatu
pekerjaan (untuk kepentingan masyarakat
umum).

(Al-Shaykh 'Aṭiyyah Saqr).

* * *

Dengan kelahiranmu wahai Muhammad!
Tersingkaplah tabir kejahilan,
terhapuslah segala perbuatan bid'ah
dan khurafat, terbebaslah manusia
lemah dari penjara perhambaan,
hiduplah manusia seluruhnya di dalam
sebuah masyarakat dunia yang merdeka
berdasarkan hak asasi manusia yang
adil dan saksama tanpa taksub
perkauman dan tanpa fanatik kepada asal
keturunan.

(Al-Ustādh Muḥammad al-Khaḍrī 'Abd al-Ḥamīd)



Rabiʻ al-Awwal 1389

Jun 1969

Bilangan 224

Senaskhah 60 sen.

Keruntuhan Akhlak Manusia

((Aku diutus adalah untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak)). Begitulah maksud sabda Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) yang mesti diikut dan dijadikan pedoman oleh seluruh umat manusia yang ingin hidup di dalam masyarakat berbilang bangsa dan berlainan agama di zaman moden ini. Dengan tertanamnya budi pekerti yang mulia dan akhlak yang tinggi di jiwa setiap manusia ketika itu baharulah timbulnya perasaan ((kasih sayang)) dan saling ((cinta-mencintai)) yang mana dengan perasaan inilah baharu sesuatu umat manusia itu dapat membina sebuah masyarakat hidup yang harmoni dan aman damai. Oleh itu seluruh umat manusia yang ingin menempa sejarah hidup yang aman sentosa di sepanjang zaman, maka soal kemuliaan akhlak dan budi pekerti ini haruslah mereka jadikan dasar hidup yang utama.

Sabda Rasulullah yang ringkas tetapi mengandungi erti yang luas ini dan disertai pula dengan amalan-amalan yang telah baginda tunjukkan kepada dunia seluruhnya, patut sekali dijadikan suatu undang-undang hidup dan tata susila di dalam sesuatu masyarakat yang dibina oleh umat manusia – sama ada manusia itu dari golongan kaum Muslimin ataupun bukan Muslimin – kerana Nabi

Muhammad (S.A.W) itu diutus ke alam dunia ini bukan untuk satu-satu golongan manusia sahaja, malahan untuk penduduk alam seluruhnya. Ini memang telah ditegaskan oleh Allah *Subḥānahu wa Taʻālā* di dalam firman-Nya yang bermaksud: ((Tiadalah kami utus engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat kepada seluruh alam)).

Jika sesuatu umat manusia itu tidak mahu
menghargai ajaran-ajaran yang baik dan mulia yang dibawa oleh
Nabi Muhammad (S.A.W) demi untuk kepentingan diri mereka
sendiri, maka tunggu sahajalah tibanya ketika umat
itu dibinasakan oleh Tuhan. Terutama kalau sesuatu
umat itu masih suka hidup dengan berpandukan
hawa nafsu ganas yang tidak berdasarkan akhlak dan
budi pekerti tinggi mulia.

Bilamana sesuatu golongan umat manusia itu mulai mengenepikan akhlak yang baik untuk dijadikan pedoman hidupnya, maka di saat itu datanglah iblis dan syaitan menuangkan akhlak yang buruk dan keji memenuhi segenap hati sanubarinya, di kala itu sifat-sifat peri kemanusiaan yang bersopan santun akn bertukar dengan sifat-sifat kehaiwanan yang kejam dan ganas, hiduplah mereka di dalam sebuah masyarakat yang tidak berpedoman selain daripada pedoman hawa nafsu yang buas tanpa belas kasihan terhadap sesama manusia yang berasal dari satu kejadian itu. Mereka menganggap hanya mereka sahajalah yang kuat dan mereka sahajalah yang gagah perkasa di maya pada ini.

Sifat-sifat kebuasan dan kekejaman yang sebegitu
rupa hanya dimiliki oleh orang-orang yang tidak
mempercayai akan adanya zat Allah yang Maha Kuasa. Allah yang
berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu. Oleh itu sejarah

Rencana Pengarang

golongan manusia yang tidak mahu mengakui adanya

Tuhan dan kekuasaan-Nya, yang sering kali melakukan

provokasi-provokasi yang kejam dan ganas demi untuk

melaksanakan cita-cita mereka yang buas dan jahat,

memuaskan nafsu tamak dan haloba yang tidak pernah

merasa puas dengan nikmat-nikmat kemewahan dan kemakmuran

hidup yang telah dikurniakan Tuhan kepada mereka.

Berhubung dengan soal ini marilah kita meninjau agak sejenak ke zaman 14 abad yang silam, ke zaman obor sinaran Islam sedang marak menyala untuk menyuluhi hati-hati umat manusia yang hitam pekat, hati-hati yang degil beku tak mahu menerima hidayah dan petunjuk ke arah jalan yang benar. Sudah puas Rasulullah (S.A.W) menunjukkan bukti-bukti yang terang dan nyata tentang kebenaran risalah Tuhan yang dibawanya. Namun begitu sebahagian besar daripada umat manusia di zaman itu tidak mahu menerima kebenaran yang akan memimpin mereka ke arah kebahagian hidup dunia dan akhirat. Baginda dan sahabat-sahabatnya dimusuhi, diancam, diperkosa, diazab dan disiksa dengan harapan semoga Nabi dan para Sahabat akan memberhentikan segala kegiatan-kegiatan memperjuangkan hak dan kebenaran yang mereka anggap salah itu.

Nabi disogokkan dengan harta kekayaan,
ditawarkan pangkat kebesaran, agar baginda jangan lagi
melaung-laungkan ajaran-ajaran Tuhan yang dibawanya itu kepada
seluruh manusia. Tetapi apa jawapan yang baginda berikan
kepada mereka?:

((Demi Allah, kalau mereka sanggup meletakkan

matahari di kananku dan bulan di kiriku,
supaya aku memberhentikan seruan-seruan suci ini
sekali-kali tidak aku akan berhenti, melainkan setelah
Tuhan menzahirkan (agama suci yang aku bawa) atau
pun Tuhan membinasakan aku.))

Dengan jawapan Rasulullah yang begitu tegas dan berani, mereka lantas mengemukakan satu tawaran yang terakhir, satu tawaran yang merupakan satu tolak ansur menuju ke arah perdamaian, apa kata mereka:

((Wahai Muhammad! Sembahlah tuhan kami selama setahun, kami akan sanggup menyembah Tuhan kamu selama setahun pula.)) Tetapi belum pun sempat Nabi menjawab tawaran mereka itu terlebih dahulu Tuhan telah menurunkan jawapan-Nya di dalam surah ((al-Kāfirūn)) yang maksudnya:

((Katakanlah (wahai Muhammad!): Hai orang-orang kafir!

Aku tidak akan menyembah tuhan yang kamu sembah, dan

kamu tidak akan menyembah Tuhan yang aku sembah, dan

aku tidak pernah (dari sejak dahulu) menyembah tuhan

yang kamu sembah, dan tidak pula pernah kamu menyembah

Tuhan yang aku sembah. Bagi kamu agama kamu dan

bagiku agamaku.))

Dengan jawapan yang lebih tegas ini, harapan mereka untuk memujuk nabi sudah tertutup sama sekali.

Maka pada saat itu timbullah perasaan ganas dan sikap kejam yang akan mereka lakukan ke atas Nabi dan para Sahabat serta pengikut-pengikutnya. Mereka mengambil keputusan untuk menghabiskan riwayat hidup Nabi dari alam maya ini.

Tetapi Tuhan sentiasa memperlindungi rasul pilihan-Nya itu. Nabi, para Sahabat dan pengikut-pengikutnya diperintahkan segera berhijrah ke kota Yathrib (Madinah).

Rencana Pengarang

Di sana nabi dan kaum Muhājirīn diberikan perlindungan yang lebih sempurna. Nabi dan kaum Muhājirīn disambut dengan penuh perasaan mesra oleh penduduk-penduduk kota Madinah yang dinamakan kaum Anṣār. Di sanalah Nabi mempereratkan rasa persaudaraan yang diikat dengan tali persatuan Islam yang teguh dan kukuh.

Ini menyebabkan orang-orang Mushrikīn di Makkah mengadakan suatu taktik untuk menghancurkan kubu

Islam yang kian bertambah kukuh di kota Madinah. Mereka menubuhkan satu pasukan (munāfiqīn)) yang berpura-pura menyebelahi kaum Muslimin dan memberikan tenaga kerjasama yang rapat dengan orang-orang Islam di sana, sedang kaum kuffār Mushrikīn di Makkah mengatur barisan yang lebih besar dengan jalan mempersatukan semua kabilah-kabilah Arab untuk menyerang kaum Muslimin di kota Madinah dengan serentak serta dibantu oleh pasukan (munāfiqīn) dari dalam.

Di sinilah punca terjadinya peperangan ((al-Aḥzāb))
atau lebih terkenal dengan nama peperangan ((al-Khandaq)) untuk
menguji semangat keperwiraan pahlawan-pahlawan Islam menghadapi
dua musuh yang datang dari luar dan dalam negeri.
Tetapi dengan pertolongan Allah di dalam peperangan yang sehebat
ini orang-orang Islam di bawah pimpinan panglima agungnya
Rasulullah şallā Allāhu 'alayhi wa sallam mendapat kemenangan yang
gilang gemilang.

Dalam masa menghadapi peperangan ini baharulah Rasulullah dan para Sahabat sekalian menyedari akan adanya golongan kaum munāfiqīn yang bermuka dua ((ibarat musang berbulu ayam)) menyeludup masuk ke dalam masyarakat orang-orang Islam yang cintakan keamanan, perdamaian dan sentiasa berusaha menegakkan keharmonian hidup di antara sesama manusia.

Rasulullah dan para Sahabatnya memandang bahawa sejahat-jahat dan semerbahaya-merbahaya musuh yang baginda hadapi ialah ((musuh-musuh dalam selimut)). Oleh itu selepas sahaja baginda selesai menjalankan tugas menghancurkan musuh-musuh dari luar, maka dengan tiada berlengah-lengah lagi baginda lantas memerintahkan para Sahabat mengambil tindakan yang keras terhadap musuh-musuh dalam selimut yang terdiri dari kaum munāfiqīn itu.

Semoga dengan peristiwa peperangan ((al-Aḥzāb))
yang berlaku di zaman Rasulullah di empat belas abad yang
silam akan dapatlah kita jadikan tauladan di dalam negara
kita yang sedang menghadapi zaman darurat ini gara-gara
dari perbuatan-perbuatan provokasi yang sedang dilakukan
oleh anasir-anasir jahat dan golongan komunis yang
bentuk dan sifat-sifat kekejaman mereka menyerupai kaum
munāfiqīn di zaman Rasulullah (S.A.W).

Kita seharusnya mesti sentiasa awas dan waspada dengan gerak langkah ((musuh-musuh dalam selimut)) yang sedang berkeliaran mencari peluang untuk menghancurkan perpaduan rakyat yang berbilang bangsa di Malaysia ini. ((Wa saya 'lamu alladhīna zalamū ayya munqalabi yanqalibūn'))

Harga langganan majalah Qalam	
Š 6 bulan	\$3.60
1 tahun	\$7.20
Senaskhah	\$0.60
Termasuk belanja <i>post</i> .	
Pesanlah kepada:	
Penerbitan Qalam	
8247, Jalan 225,	
Petaling Jaya,	
Selangor.	
\$	

¹ Sūrah al-Shu'arā', ayat 227.

Lahirnya Muhammad Membawa Obor Sinaran Islam

(Oleh: Fadīlah al-Shaykh Sayyid Jād al-Ḥāq)

Terbitnya majalah Qalam keluaran (224) ini bertepatan dengan bulan dan hari lahirnya Junjungan kita Nabi Muhammad *şallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dengan membawa hidayah Tuhan sebagai sebuah obor Islam yang menyinari ke segenap pelusuk alam yang sedang dikelubungi oleh suasana kejahilan yang gelap gelita, di mana seluruh umat manusia di zaman itu hidup di alam kesesatan yang nyata, menjalani situasi kehidupan yang komplek dan kucar kacir, bertemakan "siapa kuat berkuasa, siapa lemah dikuasa".

Di saat dunia menghadapi diskriminasi hidup berkasta-kasta, berpuak-puak dan berfanatik kepada darah keturunan, Allah menurunkan obor hidayah-Nya dengan mengutus seorang rasul pilihan bagi menyelamatkan seluruh manusia bagi menyelamatkan seluruh manusia¹ dari alam kejahilan dan kesesatan yang gelap gelita, memandu dan memimpin mereka ke arah keimanan yang terang bercuaca. – Pengarang.

(Alih bahasa: Abdul Aziz al-Murshidi)

Lahirnya seorang utusan pembawa obor Islam:

Di sebuah kampung kecil yang terletak berhampiran dengan lereng bukit ((Jabal Abī Qubays)) di dalam kawasan kota Makkah al-Mukarramah lahirlah Muhammad bin Abdullah di dalam keadaan yatim dan di kelilingi oleh suasana kemiskinan. Ketika ia meluncur keluar dari perut ibunya Siti Aminah binti Wahab ia hanya dapat melihat wajah ibu kandung yang melahirkannya ke alam dunia. Matanya yang tajam bersinar-sinar liar memandang ke segenap penjuru rumah untuk melihat wajah seorang insan lain yang menyebabkan ia lahir ke maya pada ini, namun begitu orang yang dicarinya itu tak kunjung menjelma, lantaran manusia yang dicarinya itu lebih dahulu pergi, pergi tak akan kembali lagi, pergi menunaikan panggilan Ilahi ke alam ukhrawi. Ayahandanya Abdullah pergi ketika Muhammad dua bulan di dalam kandungan ibunya.

Tetapi malang bagi Muhammad, ia tidak begitu lama dapat berlindung di bawah naungan kasih mesra ibu kandungnya, pada ketika umurnya delapan tahun Aminah pergi pula mengikuti jejak suami yang dikasihinya ke alam akhirat. Tinggallah Muhammad sebatang kara dalam keadaan yatim piatu, tiada pokok tempat berteduh dan tiada dahan tempat berpaut. Ia menyerahkan segenap jiwa raganya di bawah inayah Allah. Allah meletakkan Muhammad di bawah pemeliharaan datuknya Abdul Muttalib. Setelah wafatnya Abdul Muttalib ia diserahkan pula di bawah penjagaan ayah saudaranya Abu Talib.

Begitulah keadaan Muhammad dari sejak ia berada di alam kanak-kanak hingga ia melangkah masuk ke alam dewasa kehidupannya sambut-menyambut dari satu tangan ke satu tangan, tetapi pada hakikatnya kehidupan Muhammad sentiasa terletak di bawah inayah dan pemeliharaan Allah Subḥānahu wa Taʻālā. Allah yang menyinari jiwanya dengan hidayah dan taufik-Nya, Allah yang membersihkan hatinya daripada sifat-sifat biadab dan takbur, Allah jugalah yang mendidik dirinya sehingga ia menjadi seorang manusia yang tinggi budi pekertinya, tajam akal fikirannya dan fasih lidahnya berhujah menentang perbuatan-perbuatan maksiat dan mungkar yang dilakukan oleh seluruh masyarakat Quraysh yang berada di sekelilingnya.

¹ Ayat ini diulang taip sebanyak dua kali dalam teks Jawi.

Sifat-sifat Rasulullah:

Maka untuk mengetahui lebih jelas akan sifat-sifat ketinggian yang menghiasi jiwa dan hati Rasulullah sallā Allāhu 'alayhi wa sallam, marilah kita dengar suatu madah yang diceritakan oleh Saiyidina Hassan bin Abi Talib radīya Allahu 'anhumā sebagaimana katanya:

((Saya telah bertanya kepada khālī (ayah saudara sebelah ibu) saya Hind bin Abi Halah al-Tamimi (mengenai sifat-sifat Rasulullah) di dalam suatu majlis, dia adalah seorang yang mengetahui akan sifat-sifat Rasulullah (S.A.W), maka jawabnya: Baginda sentiasa kelihatan gembira, bersikap lemah-lembut di dalam gerak-geri dan perkataan, ringan tulang (suka menolong orang susah), tidak kasar, tidak keras hati dan tidak suka mengangkat suara (buat hingar) sewaktu baginda berada di pasar-pasar, tidak pernah mengeluarkan perkataan-perkataan lucah, tidak pernah mengeji (menjatuhkan air muka) seseorang dan tidak pula suka bergurau (yang membawa kepada dusta). Kalau baginda tidak suka kepada sesuatu perbuatan (yang dilakukan oleh seseorang di hadapannya) baginda lantas menjauhkan diri daripadanya, baginda tak pernah menghampakan harapan seseorang yang datang meminta pertolongan (sama ada berupa buah fikiran atau kebendaan). Baginda selalu menjauhkan dirinya dari tiga perkara: Riak (melakukan sesuatu perbuatan dengan tujuan supaya dipuji orang), tamak (haloba) dan masuk campur di dalam sesuatu perkara yang tidak kena-mengena dengan dirinya. Mengenai orang lain ada tiga perkara yang sangat baginda jagainya: Menghina seseorang, mendedahkan keaibannya dan mengintip rahsia dirinya. Baginda tidak berkata-kata melainkan atas perkara yang benar, apabila baginda berkata-kata sampai mengasyikkan (mempesona hati-hati) orang yang mendengarnya,

mereka terpaku di tempat duduknya seolah-olah di atas kepala mereka ada burung yang hinggap dan apabila baginda selesai berkata-kata baharulah orang lain bercakap. Mereka tak pernah memotong atau menyampuk perkataannya, manakala ada salah seorang daripada mereka bercakap, baginda dengar dengan hati-hati dan muka orang yang bercakap itu baginda tenung dengan penuh minat sehingga selesai ia bercakap. Baginda bergembira dengan orang-orang yang bergembira (kerana mendapat sesuatu nikmat) dan berdukacita bersama-sama dengan orang yang berduka (kerana ditimpa oleh sesuatu musibah). Baginda sentiasa bersabar melayani orang-orang (yang datang mengadu kepadanya) untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang mereka hadapi, sehingga pada suatu hari para Sahabat meminta orang-orang Muslimin semua berhimpun dan mereka berkata: Apabila kamu bertemu dengan seseorang dagang yang meminta sesuatu pertolongan dengan kamu, maka berikanlah mereka itu pertolongan (sekadar yang terdaya oleh kamu). Baginda tidak sekali-kali meminta pujian daripada orang-orang yang ditolonginya itu dan tak pernah baginda memotong perkataan seseorang yang sedang bercakap, melainkan apabila perkataan yang dikeluarkan oleh orang itu melebihi batasan (seperti mengumpat, mengeji atau menceritakan keaiban seseorang - P) maka pada ketika itu baharulah baginda memotong perkataan orang itu ataupun baginda beredar meninggalkan tempat itu.))

Peribadi yang tinggi mulia:

Hassan lantas bertanya lagi kepada ayah saudaranya:

((Bagaimana dengan keadaan diam Rasulullah (S.A.W) itu?))

((Ayah saudaranya menjawab: ((Keadaan diam Rasulullah adalah dalam empat masa: Ketika beliau bersabar, ketika beliau berwaspada, ketika beliau mempertimbangkan sesuatu perkara dan ketika beliau berfikir. Adapun cara beliau

mempertimbangkan sesuatu perkara ialah dengan jalan menitik-beratkan pandangan dan pendengaran-pendengaran yang diterimanya daripada orang ramai. (Yakni bukan dengan secara melulu, terburu nafsu dan mengikut perasaan hati -P.).

Maka dengan segala sifat-sifat mulia yang tersemat di dalam jiwa beliau inilah yang menyebabkan peribadi beliau dipandang tinggi oleh seluruh umat Islam, dan juga oleh kaum kuffar Quraysh, kerana fikiran-fikiran, pendapat-pendapat dan pemandangan-pemandangan yang beliau bentangkan kepada dunia seluruhnya adalah mengatasi segala fikiran, pendapat dan pemandangan yang pernah dikemukakan oleh para ahli fikir yang sezaman dengannya mahupun di zaman sebelumnya.

Beliau adalah seorang manusia yang tinggi
budi pekerti dan sempurna sifat-sifat peri kemanusiaannya,
beliau benar-benar seorang manusia pada bentuk asal kejadiannya,
tetapi sifat-sifat kemuliaan yang tertanam di lubuk hati
sanubarinya adalah mengatasi seluruh manusia. Oleh
yang demikian memang sudah pada tempatnya
beliau dipilih Tuhan menjadi rasul dan utusan-Nya
kepada seluruh manusia di alam jagat ini.

Menanamkan emosi kasih sayang:

Kelahiran beliau di tengah-tengah sebuah masyarakat manusia yang hidup di lembah kegelapan yang menghitam pekat itu adalah merupakan sebuah obor yang menyinari fikiran dan hati-hati manusia yang sedang hidup teraba-raba di alam kesesatan yang gelap-gelita untuk memandu dan memimpin mereka keluar menuju ke jalan penghidupan yang lebih sempurna serta menarik tangan-tangan mereka keluar dari jurang kejahilan untuk dibimbing ke pintu gerbang keimanan dan ilmu pengetahuan yang terang bercuaca. Maka dengan berpandukan obor Islam yang dibawa oleh Rasul

Allah itu berjalanlah mereka di atas sebuah jalan yang lurus untuk menuju ke istana kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Telah beberapa banyak bilangan manusia-manusia yang hidup di alam kesesatan diberinya petunjuk ke jalan yang benar sehingga mereka dapat mengecap nikmat-nikmat hidup yang sebenarnya di dalam sebuah masyarakat yang harmoni dan aman damai, tolong-menolong, kasih mengasihi di antara satu sama lain. Dengan adanya dasar toleransi yang luhur dalam hidup sesuatu bangsa atau sesuatu umat, maka akan timbullah perasaan kasih mesra, bantu-membantu dan saling bertimbang-rasa di antara satu dengan lain.

Dari perasaan inilah terciptanya semangat perpaduan yang teguh kukuh merupakan sebuah bangunan agung yang hebat dan konkrit.

Menyinari cebisan-cebisan hati yang gelap:

Muhammad diutus Tuhan ke alam nyata ini semata-mata untuk menyebarkan ilmu pengetahuan, mempertahankan hak dan kebenaran, menegakkan keadilan dan menanamkan sifat-sifat peri kemanusiaan. Selain dari itu tugas utamanya ialah menyinari cebisan-cebisan hati manusia yang gelap-gelita, mengincirkan (mencairkan) ketulan-ketulan otaknya mereka yang keras membeku agar menjadi secebis hati yang terang-benderang, menjadi seketul otak yang lembut bergerak untuk memikirkan sesuatu yang hak dan benar. Hati-hati manusia yang kotor, cenderung kepada melakukan pekerjaan-pekerjaan maksiat dan mungkar yang akan memusnahkan tubuh badan mereka yang kecil kerdil itu digilap dan diasah hingga menjadi sekeping hati yang bersih suci supaya mudah menerima segala ajaran-ajaran Tuhan yang dibawanya. Begitu pula otak-otak manusia yang keras beku yang bakal merosakkan jiwa dan rohani mereka itu, dilentur dan disinari dengan cahaya iman agar menjadi seketul otak yang cair mudah bergerak

untuk memikirkan kebodohan-kebodohan mereka memuja pokok-pokok kayu yang tanpa mempunyai sebarang kekuasaan memberi dan menolak, menyembah batu-batu berhala yang tak boleh mendatangkan sebarang mudarat dan manfaat kepada manusia yang memuja dan menyembahnya itu.

Hanya otak-otak manusia yang ditembusi oleh cahaya iman itu sahajalah yang sanggup berfikir untuk mengkaji hakikat alam semesta dan membongkari rahsia-rahsia kejadiaannya. Otak-otak manusia yang telah dikurniakan inisiatif berfikir itu sahajalah yang sentiasa memandang alam di sekelilingnya dan memperhatikan angkasa tinggi yang terbentang luas di atas kepalanya dengan menggunakan inisiatif pemikiran.

Pemikiran-pemikiran yang sumber terbitnya dari cebisan-cebisan hati yang bersih suci dan dari ketulan-ketulan otak-otak yang terang bercahaya itu sahajalah yang dapat melihat dengan jelas segala kejadian langit dan bumi yang seaneh dan seajaib itu. Pemikiran-pemikiran yang berdasarkan kenyataan ini akan membukakan pintu hati seseorang makhluk untuk beriman dan mempercayai kekuasaan Allah yang menciptakan alam seluruhnya, dari sinilah timbulnya naluri ingin memuja dan menyembah zat Allah yang sebenarnya dengan menolak segala rupa pemujaan dan penyembahan yang tidak berdasarkan ketuhanan yang Maha Esa.

Muhammad *şalawātu Allāhu 'alayhi* sentiasa menunjukkan jalan-jalan yang aman sentosa yang harus dilalui oleh setiap manusia yang benar-benar mempercayai kekuasaan Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā* yang memerintahkan supaya hamba-hamba-Nya yang berjenis manusia mestilah menjadi makhluk yang terkuat di maya pada ini untuk memproses alam yang serbaserbi kekurangan sejak mula ia dijadikan. Sebab

itulah Tuhan memilih makhluk berjenis manusia dijadikan khalifah untuk mengendalikan alam seluruhnya, sebagaimana firman-Nya: (*Innī jā 'ilu fī al-arḍ khalīfah²*)). Ertinya: ((Sesungguhnya Aku jadikan di muka bumi ini khalifah)).

Tanggungjawab manusia memikul amanah Tuhan:

Inilah tanggungjawab merupakan suatu amanah yang diletakkan ke atas pundak makhluk yang berjenis manusia setelah lain-lain makhluk menolak tanggungjawab yang seberat ini, hanya makhluk yang berjenis manusia sahaja yang mengaku sanggup untuk memikul amanah Tuhan itu.

Ini ada ditegaskan oleh Tuhan di dalam Sūrah al-Aḥzāb (72) sebagaimana firman-Nya: ((Innā 'araḍnā al-amānata 'alā al-samāwāt wa al-arḍ wa al-jibāl fa abayna an yaḥmilnahā wa ashfaqna minhā wa ḥamalahā al-insān, innahu kāna zalūmā majhūlā³)) Ertinya: ((Sesungguhnya Kami telah menunjukkan (meletakkan) sesuatu amanah (tanggungjawab) kepada langit, bumi dan gunung-gunung, lalu mereka enggan untuk memikulnya dan takut menanggung akibatnya, kemudian dipikul oleh manusia. Sesungguhnya manusia itu aniaya lagi jahil)).

Sedikit sekali bilangan manusia yang sanggup
memenuhi tanggungjawab amanah yang telah diletakkan Tuhan
ke atas pundaknya itu dan sedikit
pula pengertian dan pengetahuan mereka dalam
soal menyempurnakan tanggungjawab yang sepenting dan
seberat ini. Sehingga akhirnya manusia sendiri melalaikan
tanggungjawab itu yang mengakibatkan hidupnya menjadi
kucar-kacir dan porak-peranda – Penterjemah.]

Syarat-syarat menjadi khalifah di dalam Islam tidak pula ketinggalan diajarkan oleh Nabi Muhammad (S.A.W) kepada umat manusia.

Pertama: Mestilah beriman kepada Allah dan mempercayai

² Sūrah al-Bagarah, ayat 30.

³ Perkataan sebenar ialah *jahūlā*.

dengan yakin atas kekuasaan Allah *Subḥānahu wa Taʿālā*yang mengatasi kekuasaan-kekuasaan yang lain.

Kedua: Mestilah mengerjakan segala perintah-perintah Allah serta menjauhi segala larangan-Nya.

Ketiga: Mestilah memproses alam dunia ini dengan

bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh untuk

menutup segala kekurangan umat manusia

menempuhi hidup dari suatu masa

ke suatu masa.

Memproses alam:

Syarat yang pertama dan kedua tak payahlah diulas kerana keseluruhan umat Islam sudah tentu dapat memahaminya walaupun dengan cara sepintas lalu, lantaran syarat yang pertama ada hubungannya dengan (('aqīdah Islāmiyyah)) yang menjadi dasar pokok seseorang diakui sebagai seorang Muslim, sedang syarat yang kedua pula ada pertaliannya dengan ((amal ibadah)) dan setiap orang Muslim diwajibkan mesti mematuhinya.

Hanya yang bakal saya ulas sekarang ialah mengenai syarat yang ketiga di mana syarat ini adalah menjadi konsep utama bagi membentuk sebuah masyarakat Islam sedunia untuk menjadi satu umat yang kuat, teguh dan gagah perkasa, bersesuaian dengan firman Tuhan yang maksudnya: ((Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk seluruh manusia)) dan bersesuaian pula dengan sabda Rasulullah şallā Allāhu 'alayhi wa sallam yang maksudnya: ((Orang Muslim yang kuat itu lebih baik daripada orang Muslim yang lemah)) dan sabdanya lagi: ((Islam adalah agama yang tertinggi tidak ada satu agama pun yang dapat mengatasi ketinggiannya)). Oleh itu dari

segi mencapai kemuliaan dan ketinggian hidup di dunia, maka syarat yang terakhir ini adalah penting dilaksanakan oleh seluruh umat Islam.

Adapun pengertian ((memproses alam)) ini
tersangat luas bahasannya, jika hendak dikaji, diulas
dan dianalisa dengan lengkap dan sempurna tentu sekali
memerlukan sebuah buku yang tebal, tetapi kajian yang
ditulis di dalam sebuah makalah yang terbatas ruangannya,
memadalah saya mengadakan ulasan-ulasan secara ringkas dan
sepintas lalu sekadar dapat difahami oleh orang-orang yang
ingin mengetahuinya dengan cara selayang pandang.

Memproses alam sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran-ajaran Islam itu ialah memajukan dunia ini dengan perusahaan-perusahaan yang diperlukan oleh umat manusia dalam menghadapi hidup sehari-hari. Bekerja untuk mencari nafkah hidup adalah suatu kewajipan yang sangat dititik-beratkan oleh Islam, sedang berusaha untuk menutupi segala kekurangan di dalam masyarakat adalah fardu kifayah bagi seluruh umat Islam. Umpamanya dalam sesuatu masyarakat Islam memerlukan jarum sedang dalam masyarakat itu tidak ada seorang pun yang pandai membuat jarum, maka dalam keadaan yang demikian seluruh masyarakat itu akan berdosa. Misalan ini baru suatu keperluan kecil berupa jarum, bagaimana pula halnya jika keperluan-keperluan yang dihajati oleh masyarakat itu lebih besar dari itu, maka ini dapatlah kita fikirkan sendiri.

Tindak balas yang setimpal suatu kewajipan:

Mempertahankan kehormatan kaum keluarga, bangsa dan kampung halaman dengan secara beramai-ramai adalah termasuk di dalam suatu kewajipan yang dipertanggungjawabkan oleh Islam terhadap penganut-penganutnya, begitu pula halnya dengan mempertahankan tanah air daripada

sebarang pencerobohan musuh negara tidaklah terkeluar daripada istilah yang dinamakan ((kewajipan)).

[Apa yang dikatakan oleh penulis makalah ini mengenai soal mempertahankan kehormatan, kaum keluarga, bangsa dan tanah air sebagai suatu kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh seluruh umat Islam adalah suatu hakikat yang tak dapat disangkali oleh sesiapa jua pun, kerana soal ini memang ada tercatit di lembaran kitab suci al-Qur'ān dalam Sūrah al-Bagarah ayat (194): ((Fa man i 'tadā 'alaykum fa 'tadū 'alayhi bi mithli mā i 'tadā 'alaykum)). Ertinya: ((Maka barangsiapa yang memusuhi (memerangi) kamu, maka perangilah mereka sebagaimana mereka telah memerangi kamu.)) Di dalam surah al-Mumtaḥanah pula ayat (8-9) Tuhan ada berfirman: ((Lā yanhākum Allāh 'ani alladhī lam yuqātilūkum fī al-dīn wa lam yukhrijūkum min diyārikum an tabarrūhum wa tuqsiţū ilayhim, inna Allāh yuḥibbu al-muqsiţīn. Innamā yanhākum Allāh 'ani alladhī gātalūkum fī al-dīn wa akhrajūkum min diyārikum wa zāharū 'alā ikhrājikum an tawallawhum, wa man yatawallahum fa ulā'ika humu al-zālimūn)). Ertinya: ((Tiadalah Allah melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu lantaran agamamu dan tidak pula mengusir kamu dari tanah air kamu, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Hanya Allah melarang kamu mengangkat pemimpin (pemerintah) dari orang-orang yang memerangi kamu, lantaran agamamu dan mengusir kamu dari tanah air kamu, dan barangsiapa yang mengangkat mereka itu (jadi pemimpin), maka adalah mereka itu orang-orang yang aniaya)).

Islam menyeru manusia hidup harmoni:

Dengan adanya firman-firman Tuhan yang terkandung di dalam ayat-ayat di atas, maka nyatalah bahawa Islam tidak memusuhi

mana-mana pihak, malahan Islam adalah satu agama yang menggalakkan supaya seluruh penganut-penganutnya mengadakan perhubungan baik dan melakukan keadilan terhadap sesama umat manusia walaupun mereka itu berlainan agama dan kepercayaan, kerana berlainan kepercayaan dan ideologi tidak boleh dijadikan pokok permusuhan, asal sahaja mereka tidak mengganggu kemerdekaan hidup kaum Muslimin dan tidak pula mencemarkan kemuliaan, menodai kesucian agama Islam, tegasnya selagi mereka itu berbuat baik dan berlaku adil sebagaimana kita orang-orang Islam berbuat baik dan melakukan keadilan terhadap mereka, maka Islam tidaklah melarang penganut-penganutnya menjadikan orang-orang yang bukan Islam itu sebagai sahabat dan teman yang akrab.

Tetapi kalau mereka itu tidak berlaku jujur dan cuba hendak mengganggu ketenteraman hidup kaum Muslimin, lebih-lebih lagi kalau mereka bersikap keterlaluan dengan mencuba hendak merendah-rendahkan kemuliaan agama Islam serta mencemari kesuciannya, maka di sangat⁴ itu orang-orang Islam mestilah bangun serentak mengatur barisan yang rapat untuk membalas sikap permusuhan yang dilakukan oleh kuffar itu. Pada ketika yang sebegini genting Islam tidak membenarkan lagi penganut-penganutnya berpeluk tubuh dengan memperhatikan sahaja segala perbuatan-perbuatan kejam yang melampau batasan peri kemanusiaan yang dilakukan orang di hadapan mata kepala mereka. Di kala itu kita wajib melaksanakan perintah Tuhan yang bermaksud: ((Barangsiapa yang memusuhi (memerangi) kamu, maka perangilah mereka (lakukanlah tindak balas) sebagaimana mereka telah memerangi kamu)).

Inilah dasar pengajaran Islam yang adil dan saksama terhadap semua golongan umat manusia dengan tidak mengira apa bangsa, apa agama, apa kepercayaan dan

⁴ Perkataan sebenarnya adalah saat.

apa ideologi yang dianuti oleh mereka, tegasnya
Islam sedia berbaik-baik, sedia bersahabat dan sedia
bekerjasama dengan mana-mana golongan, asal sahaja golongan-golongan
itu tidak mengganggu ketenteraman hidup kaum
Muslimin, tidak menunjukkan sikap permusuhan dan
terutama sekali tidak pula mencuba hendak
merendah-rendahkan kemuliaan dan menodai kesuciaan agama
Islam yang mereka anuti. – Sekian sedikit ulasan
dari penterjemah.].

Pemikiran cara baru:

Umat-umat Islam di zaman beberapa ratus abad yang silam (setelah berlalunya zaman Rasulullah dan para Khulafa' al-Rasyidin – P.) apabila mereka menganalisa peribadi para anbiyā' dan para awliyā', mereka lebih menitik-beratkan soal mukjizat, soal kejadian-kejadian luar biasa yang telah dikurniakan Tuhan kepada anbiyā' dan para awliyā' sebagai manusia yang menghampirkan dirinya kepada Allah sehingga mereka mendapat kehormatan yang luar biasa dan dianggap sebagai manusia suci oleh seluruh umat Islam. (Ini di samping mereka memikirkan juga pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh seseorang nabi atau rasul itu untuk dijadikan panduan mereka menghadapi kehidupan di dunia ini – P.)

Tetapi buat kita di hari ini, zaman mukjizat
dan zaman kejadian-kejadian yang luar biasa itu sudah
berlalu, berlalunya zaman mukjizat kerana zaman kita
ini sudah tidak ada lagi para anbiyā' yang diutus
Tuhan kepada umat manusia, dan berlalunya pula zaman
berlakunya kejadian-kejadian luar biasa itu lantaran pada
zaman ini boleh dikatakan sudah tidak ada lagi
manusia suci yang dianggap sebagai awliyā' Allah dalam

erti kata yang sebenarnya.

Oleh itu pemikiran cara baru yang harus dititik-beratkan oleh kaum Muslimin di zaman ini ketika mereka memperkatakan sejarah perjuangan seorang nabi atau seorang rasul ialah mengkaji dan menganalisa peribadi para anbiyā' dan rasul-rasul Allah itu dari segi akhlak dan perjuangan-perjuangan yang mereka laksanakan dari masa ke masa untuk menegakkan binaan hidup seluruh umat manusia yang berdasarkan peri kemanusiaan yang meliputi segala aspek dan jurusan di dalam sesebuah masyarakat hidup di zaman kemajuan ini.

Setiap kajian yang dilakukan ke arah jurusan ini mestilah mengikuti dasar-dasar ilmiah (*scientific*) yang sesuai dengan cara-cara pemikiran-pemikiran baru di abad yang kedua puluh ini dengan bersandarkan dalil-dalil yang *şarīḥ* daripada al-Qur'ān dan al-ḥadīth. Hasil yang kita harapkan daripadanya ialah untuk merapatkan perhubungan batin di antara manusia dengan Tuhan yang menjadikannya, demi untuk menyelamatkan seluruh manusia dari menyeleweng ke jalan syaitan yang membawa mereka ke jurang syirik yang tidak mengakui kekuasaan Tuhan yang Maha Esa.

Pembinaan moral dan akhlak mengikut dasar-dasar pengajaran yang dibawa oleh Islam adalah di antara motif utama yang mesti ditegakkan di dalam sesuatu masyarkat yang ingin mencapai keharmonian hidup yang bersuasana aman damai, lantaran dari jiwa yang bermoral tinggi dan berakhlak mulia inilah terbitnya emosi ((kasih sayang)) dan perasaan saling ((cinta-mencintai)) di antara sesama manusia yang menjalani tugas hidup di alam maya ini.

[Untuk mengakhiri kajian yang bermutu ini akan kita sambung di dalam majalah Qalam keluaran akan datang di ruangan yang sama – Penterjemah].

Umat Islam Mesti Berpegang kepada Ajaran al-Qur'ān

Al-Qur'ān atau al-Furqān adalah untuk pegangan umat Islam dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Perlembagaan yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas dan tak hangus dek api itulah jadi pedoman orang-orang yang berideologi Islam. Al-Qur'ān bukan hasil ciptaan manusia, bahkan adalah ciptaan Tuhan semesta alam. Susunan dan jalan bahasanya adalah menakjubkan pendeta-pendeta bahasa di muka bumi ini.

Sesuai dengan peredaran zaman. Segala undang-undang yang diterangkan di dalam al-Qur'ān adalah adil di sisi Allah dan pada pandangan masyarakat Islam di seantero alam.

Oleh: Syahruddin Dahari

Islam agama keselamatan:

Keselamatan banī insan akan terjamin jika ia berpegang teguh dengan ajaran-ajaran yang dibawa oleh al-Qur'ān (kitab Allah) yang diturunkan kepada Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) untuk disampaikan kepada pengikut-pengikut Islam. Agama Islam adalah bertujuan membentuk suatu umat yang berilmu pengetahuan dan mempunyai peribadi yang tinggi. Islam berkehendak kepada keselamatan dan kesejahteraan hidup seluruh banī insan sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Kitab suci al-Qur'ān adalah menjadi

petunjuk bagi orang-orang yang berbakti kepada Allah. Dialah
sebuah kitab yang tidak terdapat sebarang keraguan

di dalamnya. Maksud-maksud yang tersirat di dalamnya adalah benar
dan semuanya daripada kalam Allah yang tidak mengandungi
dusta dan dolak-dalik. Mempercayainya adalah
diwajibkan. Tidak ada seorang Islam yang sanggup
menghinakan al-Qur'ān. Hanya golongan Mushrikīn sahajalah
yang sentiasa mencemik dan menukarkan makna-maknanya kepada
yang salah, dengan tujuan untuk menarik umat Islam
terjerumus ke dalam jurang kesesatan agama yang mereka
anuti. Untuk mengelakkan dari hal yang demikian,

maka haruslah umat Islam memahami akan pengertian ayat-ayat suci al-Qur'ān. Ini adalah perlu bagi menghindarkan daripada meresapnya pengaruh-pengaruh Kristian ke jiwa anak-anak muda Islam. Mestilah kita selalu awas dan waspada bahawa pihak Barat adalah sentiasa berusaha untuk meracun dan memusnahkan Islam dengan berbagai-bagai cara. Terletaknya kemenangan agama Islam itu jika kita sebagai penganut-penganutnya benar-benar berpegang kepada ajaran-ajaran al-Qur'ān. Dengan cara ini Islam tetap hidup tidak boleh diracun dan dipesongkan oleh pihak Barat dan Komunis.

\$

Ajaran-ajaran al-Qur'ān lengkap:

Ajaran-ajaran yang didapati di dalam al-Qur'ān tidak terbatas kepada peribadatan sahaja, bahkan meliputi di dalam berbagai jurusan dan aspek. Umat Islam tidak disuruh hanya beribadah semata-mata tanpa menghiraukan negara dan urusan hidup. Sekiranya umat Islam menumpukan perhatian mereka di dalam segi peribadatan sahaja dengan tidak menghiraukan lapangan ekonomi, pemerintahan, dan kebudayaan maka senafas itu jualah bangsa, lain boleh menguasai tanah airnya.

Setiap umat Islam disuruh kasih kepada

Umat Islam Mesti...

tanah airnya, dengan menghindarkan ancaman-ancaman musuh yang mahu merosakkan ketenteraman negara. Jika negara atau kampung halaman diserang oleh musuh, di masa itulah setiap umat Islam penuh bertanggungjawab untuk mempertahankan sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Kita tidak boleh berpeluk tubuh tanpa memberi bantuan yang berupa tenaga (moral) atau harta benda (material) terhadap perkembangan-perkembangan Islam dari suatu masa ke suatu masa. Di masa yang seperti ini umat Islam mesti sanggup hidup atau mati, guna mempertahankan negaranya. Rasulullah ada bersabda (hubb al-waṭan min al-īmān) ertinya: "Kasihkan tanah air itu setengah daripada iman."

Kejayaan Islam di zaman pemerintahan Rasulullah,
Khulafa' al-Rasyidin dan Mu'awiyah adalah gemilang dan terkenal
di seluruh alam. Kegemilangan itu adalah berpunca dari
kekuatan umat Islam di zaman tersebut. Kerana yang
demikian itu wajiblah bagi umat Islam di seluruh
tanah air kita mengkaji sejarah Isla yang cemerlang
itu, supaya di suatu masa nanti sejarah yang gemilang
di zaman silam itu, akan berulang kembali; hal ini
dapat dipastikan jika orang-orang Islam di seluruh dunia
bersatu-padu serta berjuang bagi membentuk negara-negara
Islam yang kukuh dan harmoni. Kita umat Islam
hendaklah menempa sejarah dan bukan sejarah menempa kita.

Tindak-tanduk orang-orang Kristian:

Di masa-masa yang akhir ini kerap kali kita terbaca di dalam akhbar-akhbar akan tindak-tanduk orang-orang Kristian terhadap orang-orang Islam di tanah air kita yang dicintai ini. Mereka itu ingin menarik orang-orang Islam meninggalkan agama yang

diredai oleh Allah itu lari kepada agama sesat yang menyengutukan Tuhan. Mereka dengan giatnya menyebarkan risalah-risalah agama mereka ke seluruh tanah air dengan mengadakan dalil-dalil yang palsu, sememang direka-rekai oleh mereka itu. Untuk mengelakkan dari merebaknya dakyah itu, hendaklah kita berhati-hati menghapuskannya daripada berleluasa ke negeri kita ini. Perkara ini menjadi tanggungjawab yang penting kepada badan-badan dakwah Islam menyekat daripada berkembangnya pengaruh Kristian itu ke dalam jiwa rakyat jelata. Untuk mengelakkan seruan Kristian itu supaya jangan sampai kepada rakyat, hendaklah rakyat berpegang sungguh-sungguh kepada ajaran-ajaran kitab suci al-Qur'ān; iaitu dengan mempelajari tafisr-tafsir ayat al-Qur'an serta tahu mendatangkan hujah-hujah bagi menghadapi pelampau-pelampau agama itu dan sanggup bagi mempertahankan kesucian agama Allah.

Bahaya ideologi Komunis:

Ada suatu bahaya bagi menghina-hinakan agama Islam dan al-Qur'ān iaitu orang-orang yang berfahaman Komunis (Communism). Orang-orang yang berfaham seperti ini tidak mengakui adanya Tuhan yang menjadikan alam semesta dan seisinya. Mereka itu percaya kepada kebendaan (materialism). Orang-orang Komunis sentiasa menjalankan usaha jahatnya di dalam pertubuhan-pertubuhan politik secara haram dengan tujuan untuk menggulingkan sesebuah kerajaan yang sah, serta mereka berusaha mengembangkan fahaman tudak bertuhan kepada negeri yang dijajahinya. Negara-negara yang di bawah kekuasaan Komunis adalah berdasarkan pemerintahan kuku besi (diktator), rakyat tidak boleh bersuara untuk mengemukakan fikiran-fikiran teguran-teguran terhadap kerajaan. Mereka tidak menggemari orang-orang yang menyembah Allah dan rumah ibadat orang-orang Islam habis menjadi korban mereka, rakyat

Umat Islam Mesti...

dipaksa bekerja untuk kepentingan orang-orang yang berkuasa.

Pemerintahan yang seperti ini adalah secara langsung tanpa
berperi kemanusiaan. Di abad yang kedua puluh ini orang-orang
yang menghalalkan parti Komunis itu hidup dan
biak, adalah adalah merupakan satu bahaya yang besar
terhadap keselematan kerajaan di negara itu sendiri.

Orientalis menodai kemurniaan Islam:

Kita sedia maklum bahawa Islam selalu mendapat tentangan-tentangan yang hebat dari Barat di dalam berbagai cara dan mendatangkan racun yang dibawa oleh kajian-kajian palsu yang dikemukakan melalui orientalis-orientalis. Setengah daripada penulis-penulis orientalis itu bekerja bersungguh-sungguh menaburkan kesangsian di dalam pengajian mereka yang singkat lagi dangkal terhadap Islam dan kaum Muslimin. Penulis-penulis ini menulis di dalam buku pengajian Islamnya dengan perkataan yang bersastera dan pujian-pujian yang melambung tinggi. Kerana dengan cara ini mereka dengan berpura-pura boleh memperlihatkan kejujurannya. Kemudian dengan sistem atau teknik yang halus lagi berkesan mereka boleh menghitamkan kejernihan dan kemurniaan Islam. Sedikit sahaja mereka yang jujur menulis tentang pengajian-pengajian Islam. Mereka telah menterjemahkan karangan dan perbendaharaan umat Islam dalam pengajian-pengajian mereka.

Bila mereka memperkatakan segala masalah yang kurang mustahak dari pandangan kaum penjajah, mereka bersifat jujur. Dan mereka telah berjasa besar menterjemahkan karya-karya umat Islam di dalam bidang falsafah, perubatan dan beraneka ilmu pengetahuan. Kegiatan mereka itu hanya semata-mata bertujuan hendak mengeluarkan

intisari pemikiran Islam untuk disesuaikan dengan politik penjajahan Barat. Ini ialah guna melicinkan inisiatif penjajahan. Dengan cara yang demikian kaum Orientalis dapat menyelami jiwa orang-orang Islam, serta dapat menghancurkan semangat keIslaman yang tertanam di dalam dada mereka. Kitab suci al-Qur'ān tidak boleh dipinda dan ditukar ganti, kerana dia adalah suatu mukjizat yang besar yang tidak boleh diatasi oleh pemikiran-pemikiran manusia.

Allah Maha Pencipta:

Kembali kita memperkatakan asal kejadian manusia yang menjadikan seluruh manusia itu ialah Allah Taʻālā, dan Dialah yang mengatur sunnah (Precrib a Rule) atau undang-undang tabii (Law of Nature). Maka kerana inilah semestinya kita berpegang kepada al-Qur'ān, firman Allah Taʻālā di dalam Sūrah al-Anʻām ayat 37², ((Wa huwa alladhī khalaqa al-samāwāt wa al-arḍ bil al-ḥaq)) yang bererti: "Dialah (Allah Taʻālā) yang telah menjadikan tujuh petala langit dan bumi dengan sebenar-benarnya."

Tuhan yang menjadikan makhluk di maya pada ini tidak mengambil faedah dari setiap perkara yang telah hikmah. Tuhan yang Maha Esa dan bersifat kesempurnaan tidak mengambil faedah dari setiap perkara yang telah dijadikan-Nya. Tuhan sendiri berfirman:

"Huwa alladhī khalaqa lakum mā fī al-arḍ jamī ʿā."

– (Al-Bqarah: 29), maksudnya: ((Dia Tuhan itulah yang telah menjadikan untuk kamu apa jua yang ada di bumi ini semua sekali.)) Firman ini menunjukkan bahawa semua faedah di dalam alam ini adalah untuk kepentingan makhluk sendiri, bukanlah untuk kepentingan Tuhan.

Inilah akuan dari Tuhan sendiri.

¹ Perkataan 'adalah' diulang dua kali dalam teks Jawi.

² Ayat yang sebenarnya adalah ayat 73.

Umat Islam Mesti...

Tiap-tiap mukmin itu Muslim:

Setiap umat Islam janganlah menyangka bahawa kemunduran umat Islam di hari ini kerana ajaran Islam itulah yang memundurkan mereka, tetapi yang sebenarnya ialah kerana umat Islam sendiri tidak begitu mengerti tentang ajaran-ajaran Islam, dan akibat dari kejahilan dalam memahami ajaran-ajaran agama sendiri. Maka sebab-sebab ini patut kita sedari supaya perkara yang seburuk itu tidak akan berulang kembali. Patut diingatkan bahawa tiap-tiap orang mukmin itu Muslim, bukan tiap-tiap Muslim itu terus diakui mukmin. Untuk mengenal seorang itu Islam, ialah dengan tertanamnya roh Islam itu di dalam jiwanya, dengan patuhnya ia mengerjakan perintah-perintah Allah serta meninggalkan segala

larangan-Nya. Ini adalah membuktikan yang mereka benar-benar telah beriman kepada Allah dan menjadi orang yang mukmin dalam erti kata yang sebenarnya. Hakikat Islam itu tidak dapat dihukumkan jika ia tertentu pada setengah-setengah perkara sahaja. Agama Islam dapat mengakui seorang itu sebagai Muslim, jika keseluruhan hidupnya menurut lunas-lunas Islam atau Islam keseluruhannya. Dari berbagai aspek yang telah diterangkan di atas, adalah menunjukkan sebab-sebab perlunya umat Islam mesti berpegang dengan ajaran-ajaran suci yang dibawa oleh al-Qur'an al-Karim.

Bahan-bahan kajian:

- 1. Kursus Islam Abu Bakar Hamzah.
- 2. Dian 4 Tahun (3) 1964.
- Ceramah: Ustādh 'Uthmān Universiti Dār al-'Ulūm,
 Mesir.
- 4. Ceramah: Ustādh Haji Rijal Abdullah.



Yang Mulia Tuan Syed Nasir bin Ismail sebagai Pengerusi Pertubuhan Universiti Kebangsaan sedang berucap di dalam kongres penubuhan universiti tersebut yang telah diadakan di Dewan Canselor Universiti Malaya pada bulan April 1969 yang lalu dengan dihadiri oleh Yang Berhormat En. Khir Johari – Menteri Pelajaran pada masa itu – Tan Sri Ghazali Syafie – Setiausaha tetap Kementerian Luar Negeri – dan Yang Mulia Profesor Ungku Aziz Naib Canselor Universiti Malaya.

Ubat Penyakit Jiwa

Tiap-tiap penyakit ada ubatnya. Kalau sakit jasmani, kita boleh berubat ke hospital. Kalau penyakit otak, kita boleh berubat ke hospital otak. Tetapi bagaimana pula kalau kita berpenyakit jiwa atau rohani?

Inilah yang hendak kita perhatikan sekarang melalui makalah yang ringkas ini. Kata penulis makalah yang bermutu ini – Pengarang.

Oleh: Abdul Majid Haji Khatib

Iman dan Tauhid:

Ubat penyakit jiwa yang paling berkesan dan mujarab sekali ialah iman dan tauhid; kepercayaan penuh terhadap Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat, qada' dan qadar. Iman dan tauhid yang tulen dapat membersihkan dan menyihatkan jiwa atau rohani kita. Iman dan tauhid yang subur dalam jiwa itu menjadikan orang yang empunya jiwa itu berjiwa besar, berjiwa gagah dan patuh kepada segala titah perintah Allah Subḥānahu wa Taʻālā. Jiwa yang terang-benderang dengan cahaya iman dan tauhid tadi selalu mendapat bimbingan dan petunjuk Tuhan yang Maha Hidup. Orang yang mempunyai jiwa seperti inilah yang merasai kebahagiaan dan ketenteraman dari dunia sampai akhirat.

Kita hidup ini adalah kerana adanya jiwa atau roh dalam jasmani kita. Kalau tidak ada jiwa itu, jasmani akan kaku dan mati, lama-kelamaan menjadi busuk dan rapuh. Jasmani berasal dari tanah dan akan kembali ke tanah. Tetapi apabila jiwa bercerai dari

badan, akan kembali ke tanah. Tetapi apabila jiwa
bercerai dari badan, ia kembali kepada Allah. Kita
tentu selalu mendengar apabila seseorang itu mati,
orang berkata, ((dia kembali ke rahmatullah)).
Meskipun jasmaninya masih terlantar kaku di hadapan
kita, namun kita katakan, ((dia telah meninggal dunia)),
atau ((telah kembali ke rahmatullah)). Memang benar, rohnya
telah kembali ke hadrat Allah meninggalkan jasmaninya yang
membujur tak bergerak lagi.

Tanpa roh atau nyawa badan kita tidak boleh bergerak, pancaindera kita tiada dapat bekerja, otak tidak dapat berfikir. Segala-galanya diam, mati, kaku. Dengan adanya roh itulah kita dapat bergerak, berfikir, bekerja dan sebagainya. Jadi, nyatalah bahawa jasmani kita dicontrol oleh rohani. Dengan lain perkataan, rohani menguasai jasmani. Jikalau rohani itu bersih tidak berpenyakit, maka segala tindaktanduk yang terbit dari orang itu pun akan jadi baik. Jikalau rohani itu kotor dan berpenyakit, maka tindak-tanduk yang terbit darinya akan menunjukkan segala yang tidak baik pula.

Ubat Penyakit Jiwa.

Tanda-tanda Penyakit Jiwa:

Roh yang disinari dengan cahaya iman dan tauhid itu menjadikannya bersih dan sihat sehingga tindak-tanduk, perkataan, akhlak, fikiran dan segala yang terbit dari seseorang itu semuanya menunjukkan kebaikan dan keindahan, lantaran ia telah dapat bimbingan dan petunjuk Allah yang Maha Pengasih. Bukankah Allah akan memberi pertunjuk dan bimbingan ke jalan yang lurus dan benar bagi orang-orang yang beriman?

Sebaliknya jiwa yang dihinggapi oleh kuman-kuman syaitan dan iblis itu menyebabkan jiwa itu berpenyakit dan tentu sekali kelakuan, akhlak, fikiran, dan perkataan orang itu akan menunjukkan yang tidak baik pada hakikatnya.

Cubalah selidiki diri kita.

Adakah kita berpenyakit jiwa?

Apakah tanda-tanda penyakit jiwa itu?

Sebahagian daripada tanda-tanda penyakit jiwa itu ialah:

Dengki, khianat, riak, 'ujūb, sombong, takbur,

lekas putus asa, suka berjudi, minum arak,

pemalas, penakut, suka membuat fitnah, membuat

huru-hara, mengumpat, mengeji, mengintip-ngintip keburukan

orang lain, menyamun, merompak, membunuh, berjamu

untuk kubur-kubur keramat, berzina, menculik gadis-gadis

orang, dan seterusnya segala perkara-perkara yang dilarang oleh

agama.

Pendeknya segala dosa dan maksiat itu adalah dilakukan dengan adanya penyakit jiwa. Jiwa yang sihat bersih tentulah tidak akan melakukan perkara-perkara dosa dan maksiat itu. Bahkan satu dosa kecil akan

dianggap juga sebagai dosa besar oleh orang-orang yang sangat suci jiwanya.

Jiwa Kotor dan Jiwa Bersih:

Jika penyakit jiwa ini terus berada berlarut-larutan tanpa diubati dengan iman, maka gelaplah jiwa itu oleh kuman-kuman syaitan iblis yang akan membimbing orang yang berpenyakit jiwa itu ke lembah kehinaan dan kekejian. Syaitan dan iblis membimbing mereka dari terang masuk ke gelap gelita. Mereka tidak dapat pertunjuk dari Allah Subḥānahu wa Ta'ālā yang benar pada hakikatnya itu, disangkanya salah. Yang salah pada hakikatnya itu, disangkanya benar. Apa yang hakikatnya baik, disangkanya buruk. Apa yang pada hakikatnya buruk, disangkanya baik. Matanya tidak buta tetapi mata hatinya buta. Telinganya tidak pekak, tetapi telinga hatinya yang pekak tuli. Akhirnya hanyutlah orang itu di dalam kesesatan dan kehinaan. Tetapi ia tidak sedar juga. Maka sewajarnyalah orang-orang begini di neraka tempatnya. Moga-moga kita dilindungi Allah dari terjadi yang demikian.

Sebaliknya orang yang jiwanya bersih dan sihat yang disinari oleh cahaya keimanan dan tauhid ia akan menjadi orang yang takwa, yang berlawanan akhlak dan perangainya dan tindak-tanduknya daripada orang yang berjiwa kotor tadi. Orang ini akhlaknya mulia, kelakuannya baik, tutur katanya penuh sopan-santun dan berfaedah, apa yang diusahakannya memberi guna kepada dirinya dan juga kepada orang lain. Hatinya ikhlas dan ia sentiasa berjuang dan berusaha kerana Allah semata-mata, ia beribadah, bertolong-tolongan, bekerja, semuanya itu ialah dilakukan untuk mencapai keredaan Allah.

Orang yang berjiwa bersih, hatinya penuh dengan keimanan dan tauhid yang sejati, jiwa dan hatinya

Ubat Penyakit Jiwa.

tiada lupa kepada Allah. Ia kasih kepada Allah dan rasul-Nya lebih dari kasih kepada yang lain. Ia taat kepada Allah dan rasul-Nya lebih dari taat kepada yang lain. Ia menumpukan segala-galanya kepada Allah. Sogokan dan pujukan serta rayuan yang membawa kepada kemurkaan Allah, tidak akan dapat menyelewengkan dasar hidupnya dari jalan Allah. Harta benda, perempuan atau lelaki, keindahan fitnah dunia, pangkat atau wang ringgit, tidak dapat mempengaruhi orang itu supaya membelakangi perintah-perintah Allah dan rasul-Nya. Apa yang benar di sisi Allah, itulah yang dipatuhinya. Apa yang salah di sisi Allah, itulah yang ditentangnya semata-mata kerana patuh kepada Allah. Ia berani kerana Allah. Ia takut kemurkaan Allah. Pendeknya segala-galanya tertumpu kepada Allah.

Orang yang Berjiwa Besar:

Inilah dia orang yang berjiwa besar dan gagah,

Tidak sesiapa yang dapat mematahkan semangatnya selain dari

Allah. Ia berharap kepada Allah. Ia memohon dan meminta kepada

Allah. Ia tidak memuja dan memohon dari yang lain

daripada Allah. Walaupun seluruh dunia menentangnya, namun

tidak sekali-kali ia gentar dan takut selagi ia

dalam keredaan Allah. Mati dan hidup serupa

sahaja kepadanya. Hidup di dunia ini adalah sebahagian

dari pengembaraan kita. Kita mengembara dari

dahulu, sekarang, akan datang dan akhirnya mati,

kemudian kita akan hidup kekal abadi di akhirat

kelak. Mati kerana berjuang di jalan Allah itulah yang

dicari-cari dan dicita-citakannya.

Itulah kesan tauhid dan iman yang tidak ada taranya. Tidak ada harta yang lebih berharga dari itu. Ia tidak dapat dinilaikan dengan seisi langit dan bumi sekalipun. Dengan keimanan dan amal soleh itu kita mendapat kesejahteraan dan kebahagiaan yang hakiki. Oleh itu, marilah sama-sama kita menanam dan menyuburkan tauhid dan iman yang amat berharga itu ke dalam jiwa raga kita.

Membina Peribadi:

Sudahkah kita membersihkan jiwa dengan iman dan tauhid yang ikhlas dan sebenarnya itu? Kalau belum terlebih dahulu tanyailah diri kita?

- 1. Adakah aku menurut perintah Allah dan rasul-Nya?
- 2. Adakah aku mengamalkan ajaran-ajaran yang termaktub dalam Qur'an dan hadith?
- 3. Adakah aku menganggap ada lagi pengajaran dan hikmah yang lebih besar dari yang terkandung dalam al-Qur'ān itu?
- 4. Takutkah aku kepada yang lain dari Allah?
- 5. Masihkah aku berharap dan memuja yang lain dari Allah?
- 6. Masihkah aku percaya kepada kekuasaan yang boleh memudaratkan atau membaiki selain dari kekuasaan Allah?
- 7. Masihkah aku turut sahaja kepada apa yang dilarang Allah?
- 8. Bersihkah iman dan tauhidku?

Bahkan banyak lagi pertanyaan-pertanyaan yang boleh kita renung dan fikirkan demi untuk membina peribadi kita yang betul-betul beriman dan bertauhidkan Allah.

Apabila hati kita telah cukup bersih dari dosa besar atau kecil yang berupa apa sekalipun dan

Ubat Penyakit Jiwa.

beriman bersungguh-sungguh hati, maka *in shā-Allāh* jiwa kita akan bersih, sihat. Kuat dan gagah, dan sentiasa mendapat bimbingan dan petunjuk Allah – Tuhan yang memerintah sekalian alam.

Cara-cara Membersihkan Jiwa:

Marilah bersihkan jiwa kita. Sentiasalah taat dan patuh kepada titah perintah Allah dan jangan sekali-kali melakukan apa-apa yang dilarang-Nya. Sentiasa mengingat Allah. Memohon dan berdoa selalu kepada Allah dan renungkan diri kita dan alam sekitar. Fahamkan maksud-maksud al-Qur'ān dan tafsir-tafsir dalam bahasa yang kita fahami. Fahamkan hadith dalam bahasa yang kita tahu. Selalulah baca buku-buku yang bercorak keislaman. Gunakan fikiran untuk melihat keagungan Allah dalam alam dan dalam kejadian diri kita. Bertanyalah kepada alim-ulama. Selalulah beribadat seperti sembahyang, puasa dan lain-lain. Tentulah¹ ilmu yang berfaedah bagi di dunia dan di akhirat. Bacalah karangan-karangan pujangga Islam yang masyhur-masyhur. Latihlah diri kita supaya tidak membuat perkara-perkara yang melanggar akhlak dan pekerti yang mulia. Peliharalah diri dari bergelimang dengan maksiat dan dosa. Bertakwalah kepada Allah. Jauhkanlah dari pengaruh syirik walau halus sekalipun. Berzikirlah dan beristighfarlah selalu terutama sekali di waktu dalam kesunyian seorang diri. Cubalah tafakur di masa-masa lapang yang tiada apa-apa yang mengganggu sambil bertasbih mengenang Allah yang Maha Agung. Selawatlah selalu kepada Junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W). Bahkan berbagai-bagai lagi cara yang boleh dilakukan. Bacalah kitab-kitab agama nescaya dapat kita ambil pelajaran cara-cara beribadat dan sebagainya. Semoga dengan ibadat

itu dapat kita mencapai kesucian jiwa, serta menanamkan semangat keislaman ke dalam hati sanubari kita. *In shā-Allāh* berjaya.

Kembalilah kepada Ajaran-ajaran Allah!:

Sekiranya setiap orang dalam sesuatu masyarakat itu berjiwa bersih, dadanya penuh dengan iman dan tauhid yang harnomi², aman, damai, bahagia dan tenteram. Sentiasa berkasih-kasihan, bertolong-tolongan, bekerjasama di antara satu dengan yang lain dengan hati yang tulus ikhlas kerana Allah *Subḥānahu wa Taʻālā*. Masyarakat yang begini menjadi masyarakat yang kuat, teguh, handal dan mendapat pertolongan Allah yang Maha Gagah.

Jika orang-orang Islam hendak hidup selamat,
bahagia dan kekal dalam dunia ini, maka kembalilah kepada
ajaran Allah dan rasul-Nya. Tidak ada pengajaran yang lebih
baik dari itu. Percayalah! Janganlah cari falsafah yang
lain lagi. Falsafah dari al-Qur'ān itu telah cukup
sempurna mengatasi pendapat-pendapat ahli falsafah yang lain-lain.
Jika tidak percaya juga, itu alamat mata hati dan
fikirannya telah buta. Awaslah! Jangan jerumuskan
diri ke jurang kebinasaan!

Ayuh! Masanya telah sampai untuk kita berusaha dengan segala daya upaya menanamkan keimanan dan tauhid ke jiwa raga kita. Jangan lengah lagi.

Sesal kemudian tidak berguna. Islam tidak menghalang kemajuan. Islam tidak membelenggu kita. Kita sendiri yang bersalah. Islam adalah progresif dan maju untuk segala zaman. Islam melepaskan belenggu yang mengikat jiwa kita. Perhatikanlah, kajilah, dan amalkanlah ajaran-ajaran Islam itu. Nescaya tidak ada yang lebih baik dan sempurna dari itu. Percayalah!

Mudah-mudahan Allah memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita sekalian. Amin.

¹ Perkataan sebenarnya adalah tuntutlah.

² Perkataan sebenarnya adalah harmoni.



Berjuang.

Ayuhai Muhammad . . . !

Kau dilahirkan ke alam buana,

Pembawa keadilan, penghapus kezaliman,

dan membasmi kedurjanaan.

Allāhu Akbar . . ! Allāhu Akbar . .!

Allāhu Akbar . . !

Kalimah suci berhamburan,

Menembusi, jantung dan nadi,

Insan durjana musuh Islam,

Musuh pejuang nabi Muhammad.

Aduhai kawan rakanku seperjuangan!

Kapitalis Communist pasti dihapuskan,

Jihad pasti dijalankan,

Oh . .! Apakah kamu masih gugup . . ?

Muhammad berpesan dengan kalam . .!,

Umat Islam satu binaan . . ?,

Berjuang . . ! Berjuang . . ! Berjuang . . !,

Hapuskan musuh Tuhan,

Nyalakan obor sinaran Islam.

Ismi al-Jufri

Singapura.

Muhammad

Manusia durjana penuh berkeliaran,

Bergoncanglah Kaabah oleh pergolakan,

Berkecai punah patung-patung dan syaitan,

Kerana kelahiran Nabi akhir zaman.

Dua purnama berlalu sudah,

Muhammad yatim kematian ayah;

Tinggallah baginda sebatang karah,

Ibu terkasih pula diambil Allah.

Abdul Mutallib berhati sayu,

Pada cucunya yang yatim piatu;

Diambil dipelihara dengan restu,

Hingga hayatnya menghadapi Zat yang Satu.

Ayahanda saudara Abu Talib budiman

Dipeliharanya Muhammad dengan aman;

Hiduplah baginda mengikuti zaman,

Dengan pekerti yang penuh beriman.

Ketika dua puluh lima tahun berusia,

Hatinya yang mulia penuh bercinta;

Siti Khadijah janda yang kaya,

Akhirnya berkahwin dengan baginda.

Sungguh baginda penuh nikmat,

Di samping baginda Khadijah berkhidmat;

Memberi kesedaran pada umat

Agar Islam kukuh dan kuat.

Siang malam Nabi berusaha,

Dengan sokongan sahabat-sahabat setia;

Tanpa gentar menentang sesiapa,

Menyebarkan agama Allah yang Maha Esa.

Hingga akhirnya berjaya sudah,

Islam berkembang tiada tertegah,

Akhirnya Muhammad mengadap Allah,

Ke hadrat Ilahi baginda menyerah.

Karya: Abdullah Hasyimi

Kulim – Kedah.

Cara-cara Menjinakkan Muda-mudi kepada Agama

Sudah banyak kali kita bersua di ruangan akhbar-akhbar dan majalah-majalah tulisan yang memperkatakan tentang kekeliruan muda-mudi kita daripada agama, - sebenarnya tidaklah kesemuanya – di corong-corong radio di atas mimbar-mimbar masjid dan di tempat-tempat perjumpaan umum pun, seringkali kita mendengar perbicaraan yang sama. Maka di sini, tidaklah penulis bermaksud untuk mengulangi dan menokok tambah lagi persoalan itu, cuma apa yang menarik perhatian penulis ialah mengenai persoalan: Bagaimana cara hendak menarik kaum belia kita itu supaya mereka berjinak-jinak dengan agama?

(Oleh: Nur al-Sa'īd)

Beberapa Faktor Penting:

Memecahkan persoalan ini adalah menjadi kewajipan kepada para ulama. Kerana ulama itu adalah mewarisi perjuangan nabi-nabi. Demikian juga kepada setiap orang yang menggelarkan dirinya sebagai ((mujahid Islam)).

Oleh itu, marilah sama-sama kita merenung, memikir dan mencari ikhtiar atau jalan-jalan yang dapat menawan muda-mudi kita agar mendampingi agama, bermesra dengan agama, seterusnya menjadikan agama itu pakaian hidup, pedoman mencari kebahagiaan, benteng dan kubu pertahanan dari segala anasir-anasir dan fahaman-fahaman yang membahayakan diri mereka sendiri.

Untuk menyampaikan kepada tujuan yang baik ini, penulis berpendapat ada beberapa faktor penting yang harus diperhatikan; antara lain ialah:

Pertama: Cara penyampaian dakwah.

Kedua: Memperbanyakkan buku-buku agama.

Ketiga: Mengadakan kegiatan-kegiatan sosial.

Keempat: Memberi nilai ekonomi kepada sijil-sijil

agama.

Cara Penyampaian Dakwah:

Firman Tuhan: ((Ud 'u ilā sabīl rabbika
 bi al-ḥikmati wa al-maw 'izati al-ḥasanati wa jādilhum bi al-latī hiya
 aḥsan)).

Ertinya: ((Serulah ke jalan Tuhanmu dengan bijak dan nasihat yang baik serta berdebatlah dengan mereka dengan cara yang sebaik-baiknya)) – (Sūrah al-Naḥl ayat:125).

Ya, memberikan seruan dan tablīgh dengan berpsikologi, dengan cara halus dan lemah-lembut adalah sangat-sangat perlu. Kerana setiap nasihat yang diberi dengan baik itu nescaya akan diterima dengan baik pula. Pesakit akan tenteram jiwanya, petua-petua akan diikuti dan pantang-larang akan dijauhi apabila si doktor yang menghadapinya berkeadaan manis muka dan memberi nasihat yang baik.

Demikianlah hendaknya cara yang mesti dilakukan
oleh para pendakwah dan mubaligh-mubaligh Islam menjalankan
tugas mereka, memberi seruan dan tablīgh kepada
masyarakat muda-mudi kita yang dikatakan liar dari
agama itu dan sangat-sangat tidak diingini sama sekali
seorang mubaligh memberikan syarahan-syarahan penuh dengan kata-kata

Cara-cara Menjinakkan ...

mengkeji dan menista, memarah dan membidas mengenai kecacatan para belia kita. Kecacatan dari segala aspek dan segi – budi pekerti, pakaian, cara fikiran dan sebagainya. Dakwah dan tablīgh yang sedemikian rupa, tidak akan mendatangkan hasil yang baik, malah sebaliknya cuma akan tambah merenggangkan mereka dari agama. Dan sangat dikhuatiri dalam keadaan yang seumpama ini mereka akan termakan jarum propagandis-propagandis agama Kristian yang sangat terlatih itu.

- 2. Oleh kerana muda-mudi kita hidup
 di zaman Apollo dan Sputnik, zaman kemajuan
 sains dan teknologi, maka dakwah-dakwah yang
 disampaikan kepada mereka hendaklah sesuai dengan cara
 pemikiran dan pengetahuan-pengetahuan moden. Pendapat-pendapat yang tidak
 logik; seperti dikatakan: Dunia ini terbentang seperti
 tikar (tiada bulat) dan lain-lainnya hendaklah diketepikan.
 Kebenaran dan kebajikan Islam hendaklah dikupas
 secara luas, disingkap secara ilmiah
 (saintifik) dengan mendatangkan alasan-alasan yang
 konkrit termasuk dari segi sejarah, perbandingan-perbandingan
 agama dan sebagainya. Tidak cuma mendatangkan dalil-dalil
 dari ayat-ayat Qur'an dan hadith-hadith nabi (S.A.W) sahaja.
- 3. Dakwah dan tablīgh hendaklah dijalankan tidak terbatas dalam lingkungan kawasan masjid-masjid dan surau-surau sahaja, (yang mana tempat-tempat ini jarang diziarahi oleh mereka yang liar dari agama), tetapi juga di balai-balai raya, kelab-kelab, rumah-rumah kesatuan muda-mudi dan di mana juga tempat belia-belia itu selalu berada.

Memperbanyak Buku-buku Agama:

Kekurangan buku-buku agama yang bermutu sama ada dari segi isi, bahasa dan teknik di tanah air ktia, memang tidak dapat dinafikan. Perkembangan buku-buku agama Islam di tanah air kita, jauh tertinggal ke belakang jika dibandingkan dengan perkembangan buku-buku dalam jurusan ilmu pengetahuan di negara-negara Islam yang lain.

Sayangnya, cerdik-cerdik pandai agama kita nampaknya kurang memperhatikan dalam perkara ini. Pada hal pendidikan melalui tulisan di abad kita sekarang ini adalah satu daripada cara yang sangat berkesan dan mendatangkan faedah-faedah yang membanggakan.

Menubuhkan Dewan Pustaka Islam:

Di sini, penulis suka menarik perhatian,
bagaiaman cara untuk mengatasi kekurangan buku-buku yang
ada sekarang ini? Pada pendapat penulis, satu-satunya
cara yang praktikal – mestilah ditubuhkan sebuah
badan penerbit yang diberi nama ((Dewan Pustaka Islam)).

((Dewan Pustaka Islam)) ini tugasnya yang besar ialah menerbitkan buku-buku agama dalam bahasa kebangsaan dengan sebanyak-banyaknya. Buku-buku itu meliputi kesemua cabang ilmu-ilmu agama: hukum, sejarah, ekonomi, falsafah, sosiologi, psikologi, politik dan lain-lainnya. Selain dari itu Dewan ini bertanggungjawab juga untuk menerbitkan sebuah ((Ensiklopedia Islam)) dalam bahasa kebangsaan, tafsir al-Qur'ān yang lengkap, kamus agama dan majalah-majalah agama khususnya untuk santapan rohani muda-mudi kita.

Memandangkan tugas yang begitu berat dan besar,
maka Dewan ini hendaklah didokong oleh pihak
pemerintah. Dan ia mempunyai kakitangan yang cukup,
terdiri dari cerdik-cerdik pandai Islam yang produktif,

Cara-cara Menjinakkan ...

mempunyai kebolehan mengarang, menterjemah dan membuat penyelidikan-penyelidikan ilmiah.

Perlu diingat, apabila telah tertubuh ((Dewan Pustaka Islam)) ini, maka tidaklah bererti penerbit-penerbit lain yang berselerak di tanah air kita boleh berlepas tangan dari menerbitkan buku-buku agama. Sebenarnya Dewan tersebut cuma bersifat sebagai ibu kepada penerbit-penerbit yang lain.

Mengadakan Kegiatan-kegiatan Sosial:

Islam itu luas, tidak sempit. Maka
keluasan Islam itu hendaklah pada kita tidak sekadar
teori saja, tetapi haruslah dipraktikkan dan
ditunjukkan kepada masyarakat muda-mudi kita. Janganlah
kita cuma mengatakan: ini haram, itu haram – tak
boleh buat itu, tak boleh buat ini, dan memberikan
ancaman-ancaman yang mengerikan. Pada hal seharusnya apa yang
patut kita buat menurut falsafah pendidikan Islam,
di samping kita memberi larangan dan ancaman, maka perlu
juga kita memberi sesuatu penggalak kepada si
terdidik. Dan penggalak itu sebenarnya tidak hanya
menimbulkan semangat dan rasa cinta mengejar cita-cita
yang murni, malahan dapat mewujudkan suasana yang
harmoni antara si terdidik dengan pendidik.

Oleh itu, bila kita membicarakan dakwah

Islamiyyah dan dihubungkan dengan masyarakat muda-mudi,
maka kita tidak boleh melupakan dari mengadakan
aktiviti-aktiviti sosial (sosial mengikut pengertian yang
luas – iaitu usaha-usaha kebajikan untuk ramai,
bukan bermakna pergaulan bebas seperti yang
diertikan oleh setengah-setengah orang) untuk muda-mudi
kita; umpama mengadakan:

- Sukan Olahraga.
- 2. Drama-drama.
- 3. Derma-derma siswa.
- Kelas-kelas bimbingan.
- 5. Dan lain-lain.

Kegiatan-kegiatan yang seperti itu secara tidak langsung akan mewujudkan hubungan mesra antara masyarakat belia dengan kaum terpelajar agama. Dan bilamana hubungan mesra telah wujud, maka segala ajaran dan tunjuk ajar dari alim-ulama tentulah akan dapat diterima dengan tiada bantahmembantah.

Seyogia ditegaskan di sini, di dalam mengajak sesuatu golongan atau umat kepada agama, jangan disangka seruan itu hanya melalui khutbah-khutbah dan syarahan-syarahan saja, tetapi juga adalah melalui kegiatan-kegiatan sosial. Malah boleh dikatakan, dakwah yang dijalankan melalui kegiatan-kegiatan sosial inilah yang menarik dan sangat berkesan sekarang. Dalam hubungan ini, badan-badan pengembang Kristian berjaya mendirikan hospital-hospital, klinik-klinik, rumah-rumah tumpangan untuk orang-orang miskin, sekolah-sekolah – melalui dari taman kanak-kanak (kindergarten) hinggalah sekolah-sekolah rendah, menengah, dan atas seterusnya ke peringkat universiti.

Bagaimanakah pula kemajuan-kemajuan yang telah dibuat oleh badan-badan dakwah Islamiyyah kita?

Memberi Nilai Ekonomi

kepada Sijil-sijil Agama:

Memberi nilai ekonomi kepada sijil-sijil agama adalah satu daripada cara untuk menarik para pelajar kita mempelajari ilmu-ilmu agama secara mendalam.

Sebaliknya jika sijil-sijil itu dipandang sepi, tiada mendapat nilaian yang sewajarnya, maka ini sudah tentu menimbulkan sekurang-kurangnya dua perkara:

Cara-cara Meniinakkan ...

Pertama: Membunuh kecenderungan, bakat dan minat pelajar-pelajar untuk mendalami pengetahuan agama.

Kedua: Menimbulkan perasaan kesal kepada pelajar-pelajar yang telah menghabiskan masa bertahun-tahun untuk mempelajari agama.

Berhubung dengan perkara yang kedua – walaupun tak dapat untuk kita mengatakan pada keseluruhannya, tetapi adanya sebahagian dari pemegang-pemegang sijil tersebut bersikap demikian, tidak dapat dinafikan. Kerana kita dapat menyaksikan golongan bekas pelajar-pelajar agama yang seperti itu dalam masyarakat kita. Dan pelajar-pelajar yang seperti itulah biasanya yang dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat, malah setengah daripada mereka menjadi petualang-petualang agama. Dalam hal ini kita tentulah ingat kepada sabda Nabi (S.A.W) yang berbunyi:

((Kāda al-faqru an yakūna kufrā))

Bererti: ((Hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufuran)).

Kerana yang demikian, kepada pihak yang berkuasa diserukan supaya mengambil perhatian yang berat dalam hal ini. Tujuannya tidak lain semata-mata untuk mengelakkan generasi-generasi yang akan datang supaya tidak memandang rendah terhadap agama Islam, merasa hina sebagai pemeluk agama Islam, tetapi sebaliknya agar mereka berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam dan memandang tinggi serta mencintai akan kesuciannya. Agar benar-benar mereka itu dapat mengakui akan kebenaran sepotong hadith Rasulullah (S.A.W) yang berbunyi:

((Al-Islām ya ʿlū wa lā yu ʿlā ʿalayhi))


Maksudnya: ((Islam itu adalah agama yang tertinggi, tiada sesuatu agama lain yang dapat mengatasi ketinggiannya)).


Sudah terbit! Cetakan baru! Sembahyang Rasulullah (Oleh al-Ustaz Abu Bakar aAshaari) Sebuah buku panduan mengerjakan ibadah sembahyang mengikut cara-cara sembahyang yang telah dilakukan oleh Rasulullah şallā Allāhu 'alayhi wa sallam bersabda kepada hadith baginda yang berbunyi: Sallū kamā ra'aytumūnī usallī. Ertinya: "Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang." Pesanlah kepada: Qalam Sebuah \$3.00 8247 Jalan 225 Belanja post 20 sen. Petaling Jaya Selangor. Sudah terbit! Cetakan baru! Sembahyang Rasulullah (Oleh al-Ustaz Abu Bakar aAshaari) Sebuah buku panduan mengerjakan ibadah sembahyang mengikut cara-cara sembahyang yang telah dilakukan oleh Rasulullah şallā Allāhu 'alayhi wa sallam bersabda kepada hadith baginda yang berbunyi: Sallū kamā ra 'aytumūnī usallī. Ertinya: "Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang." Pesanlah kepada: Qalam Sebuah \$3.00 8247 Jalan 225 Belanja post 20 sen. Petaling Jaya Selangor.


Umat Islam di hari ini telah kehilangan beberapa tempat yang bersejar

Tragedi yang sedang menimpa seluruh umat Islam di hari ini hanya ditangisi dengan penuh rasa kesedihan, nami semula semangat perpaduan Islam di zaman Rasulullah dan para sahabat-sahabat maka tempelakan Tuhan yang tercatit di ke hari kiamat. Gambar-gambar yang kita terakan di bawah ini adalah setengah daripada rumah-rumah Allah yang mempuny Yahudi seteru Allah yang utama dari sejak beberapa abad yang silam.


Sambil kita memperingati dan meraikan hari keputeraan Junjungan kita Nabi Muhammad (S.A.W) – Sebagai keinsafan!











Gambar atas: Bangi


Gambar bawah: Bangu

ah setelah semangat perpaduan dan roh jihad padam dari jiwa mereka.


un begitu kalau tragedi tersebut hanya dikenangi dengan kata-kata kosong yang berapi-rapi tanpa menghidupkan dalam al-Qur'an al-Karim Sūrah al-Anfāl ayat (46) tetap selamanya akan menimpa kita umat Islam di setiap zaman hingga vai sejarah besar dalam perkembangan agama Islam, yang kini tempat-tempat suci itu telah dikuasai oleh orang-orang Zionis

pemimpin dan penegak agama Allah yang ulung, marilah kita kenangi peristiwa sedih ini dengan penuh rasa





ınan Masjid al-Aqsa nan Masjid al-Sahkrah



Pemandangan sebelah dalam Masjid al-Ibrahimi di al-Khalil (Hebron). Mimbar dan mihrabnya dihiasi dengan ayat-ayat suci yang berukir emas asli.



Pertanyaan dari:

Puan Zaitun binti Abdullah,

Pekan Sari – Kampung Awah,

Temerloh – Pahang.

Saya harap tuan jelaskan perbezaan antara "talaq raj T" dengan "talaq bā'in" dan bahagian-bahagiannya iika ada.

Jawab

Ţalaq raj ʿī:

Talaq raj T ialah talak yang membolehkan suami rujuk kepada bekas isterinya dengan tidak payah lagi melakukan perkahwinan (akad nikah) yang baru, dengan syarat isteri yang diceraikannya itu masih dalam 'iddah, iaitu talak satu dan talak dua yang tiada disertakan dengan wang 'iwad (tebusan) dari pihak isteri yang telah diceraikan itu.

Ţalaq bā'in:

Ṭalaq bā'in ialah talak yang tidak membolehkan suami rujuk kepada bekas isterinya melainkan dengan melakukan perkahwinan (akad nikah) yang baru, seperti talak satu atau talak dua yang disertai dengan wang 'iwaḍ (tebusan) dari pihak isteri. *Ṭalaq bā'in* ini ini¹ terbahagi kepada dua bahagian:

- 1. Ţalaq bā'in kecil.
- 2. *Ṭalaq bā'in* besar.

Ţalaq bā'in kecil:

Țalaq bā'in kecil ini pula ada dua macam:

- talak dua kepada isterinya dengan menerima wang tebusan ('iwad) dari pihak isterinya.

 Umpama sewaktu si suami menggugurkan talak satu atau talak dua kepada isterinya, ia ada menerima wang 'iwad sebanya \$50/ (misalnya), maka si suami itu tidak boleh lagi rujuk kepada bekas isterinya itu walaupun belum habis 'iddahnya kecuali dengan melakukan perkahwinan (akad nikah) yang baru.
- talak satu atau talak dua kepada isterinya yang belum diwat'ī (belum dicampurinya), maka si suami itu tidak boleh rujuk kembali kepada bekas isterinya itu, kecuali dengan melakukan perkahwinan (akad nikah) yang baru. Isteri yang diceraikan itu sedang dia belum dicampuri oleh suaminya, maka dia tidak ber 'iddah sama sekali. Tegasnya dia boleh berkahwin dengan lelaki lain selepas dia diceraikan oleh suami yang belum mencampurinya itu. Hukum ini bersandar kepada firman Allah dalam Sūrah al-Ahzāb ayat (49):

 $((Y\bar{a}ayyuh\bar{a}alladhina\bar{a}man\bar{u}idh\bar{a}nakahtumal-mu'min\bar{a}t$

thumma ṭallaqtumūhunna min qabl an tamassūhunna famā lakum 'alayhinna min 'iddati ta 'taddūnahā)).

Ertinya: ((Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu mengahwini perempuan-perempuan yang beriman kamu ceraikan mereka sebelum mereka kamu

¹ Perkataan 'ini' diulang dua kali dalam teks Jawi.

1001 Masalah

sentuh (campuri), maka tiada perlu kamu memperhitungkan *'iddah*nya)).

Ţalaq bā'in besar:

Adapun *talaq bā'in* besar itu ialah talak tiga.

Seorang suami yang menggugurkan talak tiga kepada isterinya, ia tidak boleh rujuk kembali kepada bekas isterinya itu, dan tidak boleh lagi berkahwin semula dengannya, kecuali jika bekas isterinya itu telah berkahwin dengan lelaki yang lain serta telah mencampurinya (bersetubuh dengannya), kemudian dia diceraikan oleh suaminya yang kedua itu dan habis pula masa *'iddah*nya.

Dalam keadaan seperti ini – pada masa-masa yang akhirnya ini – banyak kejadian yang dinamakan oleh orang-orang kita ((kahwin cina buta)) yang sering dilakukan oleh suami isteri yang ((gila talak)) setelah mereka bercerai dengan talak tiga. Kahwin cina buta ini dilakukan ialah dengan tujuan untuk membolehkan antara suami isteri yang telah bercerai dengan talak tiga itu berkahwin semula.

Perkahwinan yang dilakukan secara (muḥallil) atau

(ala cina buta) ini sangat dikutuki oleh Islam,

meskipun perkahwinan cara tersebut diakui sah,

jika sewaktu akad nikah tidak dilafazkan sebarang

kata-kata merupakan sesuatu perjanjian yang tertentu.

Dirgahayu

Allah lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah. 1

Daulat Tuanku!

Tetapi jika sewaktu akad nikah itu dilafazkan sesuatu perjanjian yang tertentu, seperti kata wali perempuan sewaktu akad nikah dilakukan:

((Aku kahwinkan engkau dengan anakku (fulanah binti fulan) dengan syarat, bila engkau sudah bersetubuh dengan dia, maka akan batallah perkahwinan ini, dan pada ketika itu juga hendaklah engkau gugurkan talak kepadanya.))

Lalu lelaki yang diijab kabulkan itu
menerima perkahwinan yang mengandungi syarat tersebut, maka
perkahwinan yang dilakukan dengan syarat yang tersebut
di atas tidaklah diakui sah oleh syariat Islam.

Perkahwinan cara inilah yang dinamakan dalam bahasa arab (*nikāh muḥallil*) atau dalam bahasa kita dinamakan perkahwinan (ala cina buta) yang sangat dikutuki oleh nabi Muhammad (S.A.W) dengan sabdanya yang berbunyi:

((Laʿana Allāh al-muḥallil wa al-muḥallala lahu))

Ertinya: ((Allah melaknat *al-muḥallil* dan *al-muḥallala lahu*).*

^{* (}Al-muḥallil) – Orang yang menghalalkan; iaitu suami kedua yang menerima syarat.

⁽Al-muḥallala lahu) - Orang yang dihalalkan untuknya; iaitu suami pertama yang memberi syarat.

1001 Masalah

Penjelasan:

Misal yang baru kita bentangkan di atas adalah merupakan perkahwinan (cina buta) yang tidak sah dilakukan serta dikutuki Allah. Tetapi kalau seorang lelaki mengahwini seorang wanita dengan niat dalam hati (bukan dengan lafaz di lidah), bila ia sudah bercampur (bersetubuh) dengan isteri yang baru dikahwininya itu ia akan menggugurkan talak ke atasnya dengan maksud supaya dia halal dikahwini semula oleh bekas suaminya yang telah bercerai talak tiga dengannya, tetapi ketika ia melakukan akad nikah tidak dilafazkannya syarat – yang ia akan menceraikan isterinya itu sesudah dicampurinya – di hadapan wali atau imam yang menikahkannya, maka sahlah nikahnya itu. Walaupun demikian ia tidaklah terlepas dari laknat Tuhan sebab ada niatnya untuk menjadi seorang *muḥallil* itu.

Ţalaq sunnī dan bid ī:

Selain dari dua talak – yang telah diterangkan di atas – iaitu ((talaq raj 'i)) dan ((talaq bā'in)) dan bahagiannya, maka ada dua jenis talak lagi yang perlu juga diketahui, iaitu:

- 1. Ţalaq sunnī
- 2. Ţalaq bid ʿī

Ţalaq sunnī:

Menggugurkan *ṭalaq sunnī* ini hukumnya halal; yakni diharuskan oleh syariat Islam dalam dua keadaan:

- (i) Menggugurkan talak ke atas isteri, ketika
 dia dalam keadaan suci (tidak datang bulan
 serta belum dicampuri (disetubuhi).
 - (ii) Menggugurkan talak ke atas isteri yang sedang hamil (mengandung) serta telah terang hamilnya.

Ţalaq bid 'ī:

Menggugurkan $talaq\ bid\ \tilde{\tau}$ ini hukumnya haram; yakni tidak disukai (sangat dibenci) oleh syariat Islam dalam dua keadaan juga:

- (i) Menggugurkan talak kepada isteri, ketikaia sedang dalam haid (datang bulan).
- (ii) Menggugurkan talak kepada isteri, ketika
 ia dalam keadaan suci sedang isteri itu
 sudah dicampurinya (disetubuhi). Hal ini
 khususnya kepada isteri yang sudah
 dicampuri.

Sekianlah dengan jawapan-jawapan yang tersebut di atas mudah-mudahan akan memuaskan hati pihak yang bertanya.

Abu al-Mokhtar.

Silap

Ketua rombongan murid-murid perempuan Sekolah Agama

Ijok yang telah melawat percetakan Qalam pada 14

haribulan April 1969 yang lalu ialah al-Ustādh Muhammad

Amin, bukannya al-Ustādh Syahir bin Sulaiman sebagaimana

telah kita siarkan itu. Di atas kekhilafan ini kami

menuntut maaf kepada pihak yang berkenaan.

-Pengarang.

Silap

Di muka kulit majalah Qalam bilangan 223 keluaran bulan Mei 1969 kita tersilap mencetak tahun bagi bulan ((Şafar 1388)) yang sebenarnya ialah ((Şafar 1389)). Para pembaca sekalian diharap mengambil perhatian dan harap maaf.

-Pengarang.

Islam Merupakan Peraturan yang Sempurna

Kita sering mendengar, ramai penganut-penganut Islam yang dari dunia kelasalaman¹ dan lantas memeluk agama asing. Gentar juga hati kita terhadap soal ini. Barangkali kita bertanya pada diri kita sendiri, apalah akan jadi agaknya kepada pemeluk-pemeluk Islam yang lain dalam tempoh yang lebih lama. Kiranya mereka yang sudah maju di dalam segala aspek ilmu pengetahuan itu terus mengenepikan moral-moral ulama? Marilah kita sama-sama mengikuti kajian bermutu dan logik ini yang akan dibentangkan oleh penulisnya. – Pengarang.

Susunan: Nur Hisyam Mustafa

Penganut-penganut Islam Kian Bertambah:

Kisah-kisah pelarian orang Islam kepada agama lain itu janganlah kita jadikan bayang-bayang hitam yang menakutkan kita. Tetapi seharusnyalah bersyukur kepada Tuhan yang Maha Kaya, kerana di tengah-tengah kebencian setengah pihak kepada Islam itu, masih dan akan ada orang lain yang mencintai Islam. Kerana itu, kita sering pula dapat membaca, orang-orang yang terkenal dari agama asing, yang dengan rela memeluk Islam, setelah mereka itu mengkaji dan meneliti dengan saksama segala aspek kebaikan dalam Islam.

Salah satu peristiwa yang agak penting bagi umat Islam di Indonesia, ialah peristiwa kemasukan seorang inteleknya yang terkenal ke dalam lingkungan dan naungan Islam pada tahun lepas.

Beliau ialah Johannes Nicholas Souhoka
bekas seorang Komiti Nasional Indonesia Pusat.
Beliau telah dengan rasminya memeluk agama Islam pada 22
Januari 1969 (tahun lepas). Dahulunya beliau
ialah seorang penganut agama Kristian mazhab
Protestan yang warak, tapi kerana ketidakpuasan
hatinya terhadap agama yang dianggap dokmatis itu,
akhirnya, dalam usia 68 tahun beliau menyatakan dengan
ikhlas hatinya telah memeluk agama Islam dan

menggantikan nama barunya kepada Yahya bin Souhoka.

Dalam satu proklamir rasmi ketika memeluk agama Islam, beliau telah menyatakan sebab-sebabnya beliau meninggalkan agama Protestan dan memeluk agama Islam.

Ringkasan ceritanya lebih kurang begini:

Kisah Seorang Intelek Kristian:

((Saya dilahirkan dan dibesarkan di suatu kawasan yang penduduknya ramai yang beragama Kristian mazhab Protestan, iaitu di daerah Saparua (Maluku?). Ibu bapa saya menyekolahkan saya di salah sebuah maktab yang juga mengajar selok-belok agama Kristian mazhab Protestan. Pada suatu hari, paderi yang mengajar kami menceritakan tentang kelahiran Jesus Kristus ('Isā al-Masīḥ 'alayhi al-salām) yang disebut olehnya bahawa Jesus Kristus itu adalah anak Tuhan.

Saya tanyakan kepada paderi kami itu begini:

((Kalau Tuhan mempunyai anak, tentunya juga Tuhan
sendiri mempunyai isteri. Siapakah isteri Tuhan
itu?)). Saya bertanya demikian hanya untuk menghilangkan
keraguan saya. Tapi kiranya ini memberangkan paderi
kami. Hanya kerana pertanyaan seumpama itu, saya dihalau
dari kelas.

¹ Perkataan sebenarnya adalah keislaman.

Islam Merupakan ...

Kejadian ini menerbitkan perasaan jijik
di hati saya. Saya merasakan agama Kristian adalah
agama yang tidak membenarkan penganutnya menggunakan fikirannya
sendiri. Untuk menjadi seorang Kristian kita
hanya bisa mendengar apa yang dikatakan kepada kita, tak kira
apakah perkara itu dapat diterima oleh akal kita atau
tidak. Dan kemudian kita diwajibkan mempercayainya.

Dengan spontan saja perkara ini membuat saya tidak puas hati. Ya, saya harus berfikir dalam-dalam beberapa kali lagi sebelum saya mempercayai hal-hal yang tidak masuk akal yang logik.

Simbol Kelahiran Jesus:

Ada lagi sebab-sebab yang membuat saya meragukan kebenaran agama Kristian sebagai agama yang suci.

Sebagaimana diketahui, pada tiap-tiap hari raya

Krismas, iaitu peringatan hari kelahiran

Jesus, di rumah-rumah orang Kristian diadakan

perhiasan pokok cemara (pokok ru) yang kononnya

disimbolkan sebagai kelahiran Jesus. Pohon

cemara juga dikatakan pohon natal.

Mengapa pohon cemara disimbolkan dengan kelahiran Jesus? Pada hal dimanakah Jesus itu lahir? Bukankah di Baitullahem? Bukankah Baitullahem itu di benua Asia letaknya? Bukankah lebih mudah diterima kiranya yang disimbolkan dengan kelahiran Jesus itu adalah pokok kruma², mengingatkan yang Jesus sendiri lahir di tengah-tengah pokok kruma³ dan bukannya di celah-celah pokok cemara? Siapakah yang melakukan songlap yang sedemikian rupa?

Saya terpaksa tidak dapat menjadi seorang

Kristian yang baik yang harus mempercayai apa saja
yang diajarkan atau disumbatkan kepada saya. Saya
sering berbahas dengan kawan-kawan agama Kristian, mengenai

kepincangan-kepincangan yang didapati dalam agama Kristian. Bahkan saya terpaksa meninggalkan bangku sekolah pada zaman penjajahan dulu, kerana perselisihan sengit saya dengan kawan-kawan sekolah berpunca dari hal-hal dalam agama Kristian yang saya anggap sangat dokmatis itu.

Tertarik kepada Islam:

Bertahun-tahun saya menjadi seorang yang menjauhi gereja dan paderi. Saya memang memerlukan agama yang dapat saya jadikan landasan dalam hidup ini. Saya perlukan agama, sebagai juga saya perlukan makanan dan pakaian. Tetapi agama manakah yang benar-benar sesuai bagi saya? Saya bergaul dengan orang-orang yang menganut agama Kristian mazhab Katolik, *Advent*⁴, Hindu, Buddha dan lain-lain. Saya pelajari dan saya selidiki agama mereka, namun tak juga memuaskan hati saya. Tetapi, sesungguhnya, saya menjadi amat tertarik ketika saya menyelami ajaran-ajaran agama Islam.

Ajarannya mudah, sederhana, tapi dapat diterima akal dan jangkauannya luas sekali. Ya, agama yang satu ini dapat menjalin hubungan antara manusia dengan manusia dan antara manusia dengan Tuhan.

Saya sudah tertarik dengan agama Islam. Tapi saya tidak terburu-buru untuk menjadi penganutnya.

Saya enggan untuk menjadi seorang Islam yang tidak baik. Saya pelajari dulu sungguh-sungguh agama yang dibawa oleh Muhammad bin Abdullah itu. Saya baca buku-buku mengenai Islam, baik yang ditulis oleh pengarang-pengarang Islam sendiri mahupun oleh orang-orang bukan Islam. Saya kaji dan saya timbang halus-halus. Dan kemudiannya, dengan hidayah dari Tuhan, pada tanggal 22 Januari 1968 yang lalu, dengan rasminya saya peluk agama Islam melalui titi saktinya: ((Ashhadu an lā ilaha illā Allāh wa ashhadu an Muḥammadā rasūl Allāh.))

² Perkataan sebenarnya adalah kurma.

³ Ibid.

⁴ Merujuk kepada *Adventism*, salah satu cabang dalam Protestant.

Islam Merupakan ...

Menjadi Seorang Muslim:

Sekarang saya sudah menjadi seorang

Muslim. Jiwa saya benar-benar lega, kerana kini saya

telah benar-benar memiliki satu agama yang benar-benar sesuai

dengan apa yang saya kehendaki, iaitu agama yang dapat

saya jadikan pegangan buat kehidupan di dunia mahu

pun di akhirat nanti. Nama saya sekarang ialah Yahya

bin Souhoka.

Demikian cerita Yahya bin Souhoka yang telah memeluk agama Islam itu. Kita amat kagum dengan cerita beliau. Pengalaman-pengalaman beliau yang banyak dan mantap itu, telah membawa beliau menaungi diri di bawah sayap kesucian Islam yang agung dan bersih.

Sejarah Ringkas Yahya Souhoka:

Sedikit mengenai Yahya bin Souhoka: Beliau dilahirkan pada 10 November 1900. Beliau banyak


mencampuri dunia politik dan amat cergas pula
waktu mudanya. Pernah menjadi juru penerbangan yang
bertugas secara rahsia bagi menjelaskan kepada
masyarakat akan ertinya proklamasi kemerdekaan
Indonesia pada tanggal 17 Ogos 1945 itu. Jawatan
itu diberi kepadanya oleh Gabenor Sumatera sewaktu mula-mula
proklamasi.

Dalam tugasnya itu, beliau pernah dikejar oleh askar-askar Belanda, sehingga beliau terpaksa menyisih diri ke Bukit Tinggi. Di sana dibentuknya satu barisan kebangsaan yang menentang kelahiran negara Sumatera Timur. Kemudian, dari tahun 1946 hingga tahun 1949 beliau diangkat menjadi anggota ((Komiti Nasional Indonesia Pusat)).

Kini beliau tinggal di Medan bersama keluarganya, seorang isteri dan dua orang anak.

Perhatian:

Kandungan makalah ini dipetik dari akhbar 'Fajar Baru' yang terbit di Medan Indonesia, dengan perubahan dan penyesuaian yang patut.



Yang Mulia Tuan Syed Nasir bin Ismail – bekas Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka – sedang memberikan ucapan di dalam majlis "jamuan selamat berpisah" yang telah diadakan oleh pegawai-pegawai Dewan tersebut pada bulan Januari 1969 yang lalu.

Sedikit Tentang Sejarah Perundangan Islam

Dalam zaman yang terakhir ini "perundangan Islam" tidak dapat dijalankan dengan begitu tegas oleh umat Islam sendiri, tidak seperti di zaman permulaan perundangan Islam ini berjalan dengan begitu lancar dan mempunyai kuatkuasa yang penuh.

Dalam zaman yang teral
Islam sendiri, tidak seperti di zam
dan mempunyai kuatkuasa yang p
Untuk mengetahui lebih
ke suatu masa hingga ia merupaka
Islam sendiri pada hari ini, maka p
tetapi lengkap dan bermutu untuk
kekuasaannya di kalangan masyar
kita bersama. – Pengarang. Untuk mengetahui lebih lanjut sebab-sebab merosotnya autoriti perundangan Islam dari suatu masa ke suatu masa hingga ia merupakan suatu perundangan yang hampir-hampir tak dapat dilaksanakan di dalam masyarakat umat Islam sendiri pada hari ini, maka penulis makalah ini telah membentangkan suatu bahasan atau kajian ringkas tetapi lengkap dan bermutu untuk para pembaca mengetahui sebab-sebab mengapa perundangan Islam semakin lesu kekuasaannya di kalangan masyarakat Islam di hari ini. Ikutilah kajian yang bernilai ini untuk dijadikan menungan

Oleh: Sabri Salam Kolej Islam Malaya

Perkembangan Perundangan Islam:

Kitab-kitab perundangan Islam atau fikah yang kita dapati dan pelajari sekarang ini, kebanyakannya adalah disusun dan dikarang setelah melalui proses perkembangannya yang rumit dan berliku-liku dari zaman permulaannya hinggalah sekarang.

Mengikut ahli *tawārīkh* perundangan Islam, perkembangan ini bolehlah dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang khusus.

Period pertama:

Perundangan Islam di zaman Rasulullah.

Period kedua:

Perundangan Islam di zaman Khulafa' al-Rashidin.

Period ketiga:

Perundangan Islam di zaman Sahabat kecil -Tābi'īn, dari tahun 41 hijrah hingga awal abad kedua.

Period keempat:

Perundangan Islam di zaman mujtahidīn, - dari awal abad kedua hingga pertengahan abad keempat.

Period kelima:

Perundangan Islam di zaman kemunduran ijtihad, - dari pertengahan abad keempat hingga tahun 656 hijrah.

Period keenam:

Perundangan Islam di zaman taklid – dari tahun 656 H hingga ke waktu ini.

Period pertama:

Sejarah perkembangan Islam dalam period ini adalah masih dalam peringkat permulaan, di mana keadaannya sangat mudah dan senang. Oleh kerana sesuatu kesulitan yang bersangkutan dengan hukum, dapat diselesaikan terus oleh Rasulullah sendiri.

Penyelesaian hukum-hukum seperti dalam period ini, tidak dapat dijalankan lagi selepas wafatnya Rasul Allah. Justeru kerana itu pada period-period selepas ini penyelesaian-penyelesaian hukum sangat sulit dan sukar, kerana timbul pendapat-pendapat ulama yang berbagai ragam, dalam masalah hukum.

Sedikit Tentang Sejarah ...

Sumber-sumber hukum di waktu ini ialah, al-kitāb (al-Qur'ān), al-sunnah (al-ḥadīth) dan ijtihad. Ijtihad di waktu ini sebenarnya tidak terhad kepada para sahabat sahaja, tetapi Rasulullah sendiri pun sama-sama berijtihad untuk menyelesaikan satu-satu hukum, selepas itu baharulah turun wahyu dari Allah sama ada membenarkan hukum yang diijtihadkan itu, atau sebaliknya, banyak kejadian-kejadian seperti ini berlaku di zaman Rasul Allah (S.A.W).

Period kedua:

Dalam period ini sumber-sumber hukum tidak sangat berbeza dengan period pertama iaitu, al-kitāb, al-sunnah, ijmak dan *al-ra'yī*. Sebenarnya sumber hukum ijmak dan *al-ra'yī* ini, pada zaman Rasulullah dinamakan ijtihad sahaja.

Selepas Rasulullah wafat orang-orang yang
bertanggungjawab dengan hukum-hukum ini ialah, sahabat-sahabat
Rasulullah terutama Khulafa' al-Rashidin sendiri.

Konsep pengambilan hukum dalam period ini,
pertama, sahabat-sahabat akan meneliti dan mencari hukum
dari sumber-sumber utama iaitu, al-kitāb dan selepas
itu al-sunnah, jika tidak terdapat baharulah mereka
berijtihad dengan jalan ijmak dan fikiran.

Oleh sebab sahabat-sahabat di zaman ini masih utuh lagi perpaduannya, maka mereka tidak mengalami kesukaran untuk menyelesaikan satu-satu masalah hukum.

Period ketiga:

Perundangan Islam di waktu ini pula masih
berjalan seperti period-period yang telah lalu iaitu, mereka
mengambil sumber-sumber yang sama, dari al-kitāb, al-sunnah dan

ijtihad. Ijtihad ini dibahagikan kepada dua pula iaitu dari ijmak ulama dan qiyas. Akan tetapi sumber hukum ijmak ini hampir-hampir tidak boleh dijalankan lagi dalam period ketiga, kerana disebabkan oleh beberapa hal:

Pertama:

Kerana disebabkan pergolakan siyasah yang mula membara di kalangan manusia.

Kedua:

Kerana disebabkan bercerai-berainya ulama-ulama Islam ke seluruh wilayah negara yang duduk di bawah pemerintahan Islam.

Ketiga:

Kerana disebabkan terlampau banyak sangat periwayat-periwayat hadith dan susah hendak membezakan yang mana hadith sahih dan yang mana sebaliknya.

Keempat:

Kerana disebabkan lahir waktu itu manusia-manusia yang membuat hadith-hadith palsu, dan mereka mencampurkan dengan hadith-hadith sahih.

Kelima:

Kerana disebabkan lahirnya puak-puak hamba yang menambahkan sulit lagi perjalanan perundangan Islam, mereka berbuat demikian semata-mata kepentingan individu (perseorangan).

Dengan sebab-sebab yang telah disebutkan tadi, maka
perjalanan perundangan Islam mulai dari period ini
semakin sukar dan rumit lagi. Terutama sekali
yang penting ialah, kerana disebabkan siyasah, kumpulan-kumpulan
siyasah yang terpenting di waktu ini ialah, kumpulan
shīʿah dan khawārij masing-masing mempunyai perundangan

Sedikit Tentang Sejarah ...

Islam yang tersendiri, di samping ulama $jumh\bar{u}r$ mu 'tadil $\bar{u}n$.

Period keempat:

Selepas kita melalui perundangan Islam period ketiga yang semakin sukar itu, namun dalam period selanjutnya perundangan Islam berjalan terus untuk memenuhi kehendak-kehendak umum.

Perundangan Islam dalam period ini menuju kesempurnaannya, ini disebabkan oleh beberapa hal.

Pertama:

Kerana kemerdekaan berijtihad dibukakan seluas-luasnya kepada manusia (Muslimin).

Kedua:

Kerana perkembangan kebudayaan Islam semakin meluas dan memerlukan hukum yang luas juga.

Ketiga:

Kerana disebabkan perhatian dari khalifah-khalifah dengan memberi perangsang dan penghormatan kepada mujtahidīn.

Keempat:

Kerana disebabkan suburnya semangat manusia, untuk mempelajari dan mengkaji perundangan Islam, dari segenap lapisan manusia.

Kelima:

Kerana bertambahnya masalah-masalah dan kejadian dalam negara yang memerlukan kepada penyelesaian hukum.

Keenam:

Kerana disebabkan lahirnya berbagai-bagai ragam mazhab yang disahkan menjadi ikutan. Dengan beberapa sebab inilah perundangan Islam bertambah meluas dan mendalam kajiannya. Di samping itu pula para ulama perundangan Islam mula membukakan segala perkara-perkara yang bersangkutan dengannya, juga mereka memberikan tajuk-tajuk dalam satu-satu bahasan yang tertentu.

Tidak ketinggalan juga ulama-ulama perundangan Islam di samping mengkaji masalah-masalah hukum, mereka mengarang kitab-kitab yang menjadi alat untuk pedoman mengeluarkan hukum-hukum seperti, usul fikah kaedah fikah dan lain-lain lagi.

Oleh kerana terlampau luas lautan ilmu pengetahuan yang diharungi oleh mereka, maka timbullah beberapa perselisihan.

Perkara-perkara yang mereka perselisihkan ialah:

Pertama:

Soal-soal menetapkan makna lafaz al-kit $\bar{a}b$ dan al-sunnah.

Kedua:

Soal al-sunnah menjadi sumber hukum.

Ketiga:

Soal menetapkan amalan-amalan Sahabat menjadi hujah.

Keempat:

Soal ijmak menjadi hujah.

Kelima:

Soal menetapkan *maşlaḥaḥ mursalah*, *qiyās*, dan istiḥsān menjadi dasar perundangan Islam.

Dari beberapa sebab yang tersebut di atas tadi maka timbullah pendapat ulama dalam satu masalah hukum dan setengah dari mereka mengeluarkan pendapatnya yang tersendiri. Dari sini terbitlah berbagai mazhab.

Sedikit Tentang Sejarah ...

Mazhab-mazhab yang terkenal dalam Islam ialah, Mālikī, Ḥanbalī, Shāfiʿī dan Ḥanafī. Ada banyak mazhab-mazhab lain yang timbul, seperti mazhab al-Laythī, al-Awzāʿī dan lain-lain lagi, mazhab ini tidak kekal hingga sekarang, kerana pengikut-pengikutnya tidak ramai.

Period kelima:

Waktu period kelima ini dunia Islam mulai berpecah-belah, lantaran politik yang kalut. Gerakan ilmu pengetahuan mulai malap dan merosot, kemerdekaan berfikir berijtihad telah lesu dan ulama-ulama sudah tidak berminat lagi untuk berusaha ke arah itu.

Dengan beberapa situasi yang tersebut tadi bolehlah dianggap bahawa period kelima ini, sebagai zaman kemunduran ijtihad dan permulaan timbulnya faham taklid.

Ada beberapa sebab yang menimbulkan kepada kemunduran berijtihad dan timbulnya faham taklid di antaranya:

Pertama:

Kerana meresap ke dalam jiwa para mujtahidīn roh bertaklid, tidak percaya kepada dirinya sendiri, mereka menganggap dirinya tidak mampu untuk berijtihad, oleh itu mereka hanya berusaha menguatkan mazhab-mazhab yang sudah ada dari zaman keempat lagi.

Kedua:

Fanatik kepada mazhab, kerana itu terjadi perselisihan fama dan memburukkan antara satu mazhab dengan yang lainnya.

Ketiga:

Disebabkan kerana perdebatan yang tidak jujur, kerana mereka hanya berdebat untuk kepentingan khalifah-khalifah sahaja, tujuannya untuk mendapat tempat di sampingnya.

Mereka berdebat tidak seperti ulama-ulama dalam period sebelumnya, yang benar-benar mencari perkara yang benar dan bersesuaian dengan kehendak-kehendak Islam.

Sekalipun dalam period kelima ini, manusia sudah tidak mampu untuk berijtihad lagi dengan secara bebas dan merdeka, di samping itu pula unsur-unsur taklid sudah mula lahir. Namun kita tidak melupakan juga usaha-usaha yang diberikan terhadap perkembangan perundangan Islam, di antaranya:

Pertama:

Menyatakan 'illah- 'illah hukum.

Ulama-ulama period ini berusaha mencari *'illah* hukum yang diberi oleh ulama sebelumnya, untuk menjelaskan lagi apa sebabnya satu hukum itu lahir, di samping itu pula mereka mentaqdirkan hukum yang belum berlaku.

Kedua:

Berusaha men*tarjīh*kan dalam satu-satu masalah yang berbeza-beza hukumnya dan mengambil satu-satu hukum yang benar-benar kuat dalilnya.

Ketiga:

Menguatkan mazhab yang mereka anuti, dengan menerangkan kelebihan imam mereka masing-masing, di samping itu pula mereka menguatkan pendapat imamnya dengan mengemukakan dalil-dalil dan mengadakan perdebatan.

Dalam period kelima bermulanya faham bertaklid dalam Islam, ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara, di antaranya:

Sedikit Tentang Sejarah ...

Pertama:

Pengaruh penuntut-penuntut perundangan Islam itu sendiri, dengan jalan memberi penerangan-penerangan kepada orang ramai, supaya menganuti mazhab yang mereka pilih.

Kedua:

Pengadilan dan kehakiman. Dalam perkara kehakiman ini orang-orang awam telah dipengaruhi oleh satu-satu mazhab, mereka tidak mahu berhakimkan kepada qadi yang bermazhab lain dari mazhab ikutannya.

Ketiga:

Tersebarnya kitab-kitab mazhab, tiap-tiap mazhab membukukan pendapatnya, dengan ini semakin banyaklah pengaruh mazhab kepada umum.

Period keenam:

Period keenam ini sebenarnya masa bertaklid semata-mata, tidak ada ulama-ulama yang berani lagi berijtihad secara bebas seperti masa-masa sebelumnya, mereka menutup rapat pintu berijtihad kepada manusia, hingga keluat fatwa yang mengatakan ((Barangsiapa yang keluar dari mazhab dipandang sesat)). Begitulah beratnya pandangan manusia jika tidak bertaklid kepada satu-satu mazhab.

Oleh kerana fatwa seperti inilah menjadikan manusia beku bukan sahaja dalam segi perundangan Islam sahaja, malahan menjangkit kepada ilmu pengetahuan lainnya.

Period keenam ini bolehlah dibagikan kepada dua peringkat:

Pertama:

Dari tahun 656 hingga abad kesepuluh. Dalam peringkat ini ulama masih mampu lagi untuk

berijtihad, tetapi mereka takut kepada cacian manusia, usaha yang diberikan hanya menerangkan kitab-kitab lama yang sulit dan susah untuk difahami.

Kedua:

Dari abad kesepuluh hingga sekarang. Tidak ada usaha baru yang diberikan dalam perkembangan perundangan Islam. Ulama waktu ini mempelajari sahaja kitab-kitab lama dari period keempat dan kelima.

Kesimpulannya ulama-ualam dalam period ini sudah lesu untuk berijtihad, kerana sebab-sebab yang telah diberikan, di samping itu ulama-ulama sudah putus hubungan antara satu dengan yang lain untuk bertukar-tukar pendapat.

Demikianlah sedikit sejarah perkembangan perundangan Islam utnuk menungan kita bersama, dan bagi kita sekarang untuk membangun kembali setelah kita pelajari sebab lesu dan merosotnya jiwa umat Islam untuk berijtihad, dengan jalan menyusun kembali kitab-kitab perundangan Islam dengan susunan yang teratur dan bersistematik, semoga dengan jalan ini Islam akan kembali ke puncak zaman gemilangnya, setelah ketegasan perundangannya hampir-hampit lenyap beberapa abad.

Sumber-sumber kajian:

- Muḥammad al-Khuḍrī: Dalam ((Tārīkh al-Tashrī ʿī al-Islāmī)).
- M. Hasbi Ash Shiddieqy: Dalam ((Pedoman Hukum Sharʿī)).
- Professor M. Hasbi Ash Shiddieqy: Dalam ((Pengantar Hukum Islam)).
- Zulkifli Muhammad: Dalam ((Masyarakat dan Syariat)).
- Muḥammad 'Alī al-Sā'is: Dalam ((Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī)).

Di Mana Tempat Perlindungan Generasi Muslim?

(IX)

Oleh: Al-Ustādh Yūsuf al- 'Azam

Untuk melanjutkan bahasan seterusnya dalam soal memperkatakan bahaya-bahaya pendidikan jiwa yang diberikan oleh pengembang-pengembang agama Kristian di "taman-taman asuhan" atau "*kindergarten-kindergarten*" yang mereka dirikan berselindung di balik nama "badan-badan sosial" dan "badan-badan kebajikan" dengan tujuan untuk memesongkan iktikad kepercayaan anak-anak generasi Muslim angkatan baharu dari "akidah tauhid" yang mereka anuti, maka penulis makalah ini akan membentangkan pula pendapat-pendapatnya yang lebih berkesan dan lebih logik dalam soal memperkatakan inklinasi (kecenderungan jiwa) seorang kanak-kanak yang berada di dalam lingkungan usia antara 3 dan 6 tahun di bidang imitasi (taklid atau miru-miru¹) sesuatu perbuatan yang berlaku atau dilihatnya di hadapan matanya.

Dalam siri yang ke (IX) ini al-Ustādh Yūsuf al-ʿAzam akan membahagikan sifat-sifat kecenderungan jiwa seorang kanak-kanak itu kepada beberapa bahagian seperti kecenderungan kepada meniru-niru sesuatu perbuatan yang berlaku di hadapan matanya atau kecenderungannya kepada permainan yang berupa lakonan (dramatik) dan lain-lain lagi. – Pengarang.

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

Rahsia Mendirikan

Taman-taman Asuhan:

Setelah kecenderungan jiwa setiap kanak-kanak Muslim itu selesai dikaji dan dianalisa oleh pengembang-pengembang agama Kristian dengan begitu cermat dan teliti, maka langkah utama untuk memesongkan jiwa kanak-kanak Muslim yang suci bersih itu supaya menyeleweng dari dasar ((akidah tauhid)) yang mengakui keesaan zat Allah itu pun mereka laksanakan mengikut pelan-pelan yang telah mereka rancangkan dari sejak beberapa zaman.

Untuk melaksanakan cita-cita mereka yang jahat itu, mereka pun dengan secara beransur-ansur mengirimkan misi-misi pengembang agama Kristian yang *veteran* (terlatih) ke seluruh dunia Islam dengan sikap berpura-pura mendirikan ((badan-badan amal)) dan ((taman-taman asuhan)) yang teratur rapi, mengandungi tingkatan pelajaran yang berdisiplin mengikut pendidikan secara moden, dengan tujuan untuk menarik minat ibu bapa Muslim

memasukkan anak-anak mereka belajar di dalamnya.

Inilah rahsia yang sebenarnya mengapa misi-misi pengembang agama Kristian yang dikirim ke merata-rata pelusuk dunia
Islam itu berlumba-lumba mendirikan ((badan-badan kebajikan))
dan ((kindergarten)) yang bersifat pipih di luar tetapi
rencong di dalam itu.

Ke Alam Ilmu Jiwa:

Maka untuk mengkaji persoalan ini dengan lebih
jelas dan lengkap, berdasarkan segala apa yang telah
saya bentangkan dengan secara ringkas di atas tadi,
marilah saya bawa para pembaca sekalian bersama-sama
memecahkan persoalan ini sampai ke akar umbinya sekali,
mudah-mudahan akibat-akibat yang seburuk ini akan dapat
difikirkan bersama oleh ibu bapa Muslim yang telah
terpengaruh dengan isi pelajaran Kristian yang
disaduri di luarnya dengan kulit-kulit yang diwarna-warnikan
demi untuk mengabui mata orang-orang Islam yang tidak

¹ Perkataan sebenarnya adalah meniru-niru.

mengetahui akan hakikat yang sebenarnya tersembunyi di sebalik pendidikan apa yang dikatakan moden dan berdisiplin itu. Kita wajiblah menyedari hakikat ini sebelum terlambat masanya.

Sebelum saya memasuki gelanggang perbahasan yang ditujui, maka terlebih dahulu saya ingin membawa para pembaca sekalian meninjau ke alam ilmu jiwa yang ada hubungannya dengan tabiat semulajadi kanak-kanak yang berusia antara 3 sampai 6 tahu dari segi inklinasi (kecenderungan) dan intimasi (taklid) atau meniru-niru sesuatu perbuatan yang berlaku di hadapan mata kepalanya.

Di dalam makalah ini saya cuba membahagikan inklinasi dan intimasi yang tersebut di atas kepada dua bahagian:

- Kecenderungan jiwa kanak-kanak kepada meniru-niru.
- Kecenderungan jiwa kanak-kanak kepada sesuatu permainan yang berupa lakonan (dramatik).

1. Kecenderungan jiwa kanak-kanak

kepada meniru-niru:

Jiwa seorang kanak-kanak akan tertarik ketika
kedua matanya tertumpu kepada salib (cross) yang
diukir dengan begitu cantik dan bersih, disapu
dengan cat air prada warna emas yang berkilau-kilauan
tergantung pada dinding-dinding, di atas pintu-pintu sekolah tempat
mereka belajar, lebih-lebih lagi manakala dilihatnya salib-salib yang
berbentuk kecil dan comel itu bergayutan pula
di atas dada-dada busung para paderi wanita yang terlatih
melagakkan diri sebagai seorang pendidik yang
segenap jiwanya penuh dengan perasaan ((kasih-sayang))
yang dibuat-buat untuk menarik jiwa kanak-kanak yang di bawah

pendidikannya itu supaya mereka benar-benar percaya atas kejujuran guru-guru yang terdiri dari pada paderi wanita yang bersifat lemah-lembut dan bersopan-santun itu, sehingga tertanamlah di lubuk hatinya rasa ((kasih-sayang)) yang tidak berbelah-bagi terhadap mereka itu.

Lembaga patung al-Masīḥ (Nabi 'Isā) yang diukir oleh para ahli seni pahat yang mahir yang tergantung di muka pintu besar sekolah juga tidak kurang menarik minat seseorang kanak-kanak, begitu pula dengan pemandangan lilin-lilin warna-warni dan suara irama muzik yang bernada lagu-lagu keugamaan yang digubah dengan begitu lembut mendayu-dayu akan menyerap masuk ke cuping-cuping telinga lantas menyerap menjalar ke dalam jiwa kanak-kanak yang memang cenderung kepada sesuatu lukisan warna-warni dan irama-irama lagu yang bernada sedih.

Semuanya ini sudah pasti akan meninggalkan kesan-kesan yang mendalam sekali kepada mereka.

Antara dua situasi:

Sewaktu mereka pulang ke rumah mereka berhadapan dengan satu keadaan yang jauh berlainan dari suasana yang telah mereka hadapi selama beberapa jam sehari di taman-taman asuhan atau sekolah-sekolah Kristian yang begitu berdisiplin, begitu menarik dan serba indah, sedang di rumah, mereka menghadapi situasi yang begitu menjemukan; kotor, tiada berperaturan, hingar-bingar dan sebagainya.

Kemudian mereka terpandang sebuah madrasah yang terletak tidak berapa jauh dari rumah mereka.

Ketika itu tergambarlah kembali di ruangan mata mereka akan bangunan sekolah tempat mereka belajar. Bersih, teratur, indah dan menarik hati; sedang madrasah yang dibangunkan oleh orang-orang Islam kelihatan kotor,

tanpa peraturan, hingar dan bising dengan suara ustazah-ustazahnya yang menengking murid-murid yang agak beku otaknya, kadang-kadang sekali-sekala suara rintihan murid-murid yang menerima cubitan dari hujung rotan yang berbelah empat.

(Sistem pendidikan lama dengan cara kekerasan yang telah dibayangkan oleh penulis makalah ini adalah berdasarkan apa yang dilihatnya di tanah airnya sendiri; menurut dugaan saya pula sistem pendidikan secara kuno ini sudah tidak dipakai lagi di madrasah-madrasah agama yang berada di seluruh tanah air kita pada zaman ini; meskipun barangkali di setengah-setengah tempat – terutama di kampung-kampung yang jauh terpencil dari kota-kota besar – pendidikan secara kekerasan ini masih berjalan, tetapi itu tidaklah boleh kita jadikan suatu ukuran untuk memburuk-burukkan sistem pendidikan di sekolah-sekolah agama, kerana boleh jadi guru-guru atau ustaz-ustaz yang mengajar di sana masih cetek pengalamannya di lapangan ilmu pendidikan cara moden – penterjemah).

Dengan dua keadaan yang mereka lihat pada setiap
hari itu, maka dengan mudah dapatlah mereka
memperbezakan dua suasana yang berlainan corak dan
bentuknya, suasana bersih, berperaturan dan
berdisiplin di sekolah-sekolah Kristian tempat mereka belajar
dengan suasana kotor, porak-peranda dan hingarbangar yang mereka lihat di madrasah-madrasah agama tempat kawan-kawan
mereka menuntut.

Kesan-kesan yang buruk:

Ini semuanya akan mendatangkan kesan-kesan yang buruk di jiwa seorang kanak-kanak yang belum matang akal fikirannya, akan tertanamlah di jiwanya gambaran masyarakat orang-orang Islam yang konfiusi (kacau-bilau), kotor dan tidak berperaturan jika dibandingkannya dengan masyarakat orang-orang Kristian yang bersih dan cukup berperaturan dari rumahtangganya, sekolah-sekolahnya hingga ke taman-taman asuhannya. Dengan ini dari sejak kecil lagi timbullah sangkaan-sangkaan buruk mereka terhadap agama Islam dengan mengatakan bahawa Islam adalah suatu agama yang tidak mementingkan kebersihan, suatu agama konfiusi dan tidak berperaturan. Alangkah terzalimnya Islam dengan tuduhan-tuduhan yang seburuk ini.

Dari kesan-kesan inilah timbulnya perasaan memandang rendah terhadap agama yang dianuti oleh datuk nenek mereka dari sejak zaman-berzaman serta membenci masyarakat bangsa mereka sendiri gara-gara dari kuatnya pengaruh keindahan kulit yang ditanamkan oleh pengembang-pengembang agama Kristian yang menjadi pendidik di sekolah-sekolah dan dan² di taman-taman asuhan yang mereka dirikan itu.

Manakala tingakatan umur kanak-kanak yang dihantar belajar
di bawah naungan sayap pengembang-pengembang agama Kristian itu telah masuk alam remaja perasaan mencemuhi
masyarakat bangsa mereka yang mempunyai adat kebudayaan dan tradisi hidup yang berlainan dengan masyarakat orang-orang
Barat yang biasa dilihatnya lebih teratur dari masyarakat bangsanya itu, kian hari kian tambah mendalam.

Apabila tingkatan umur mereka telah sampai ke peringkat dewasa jiwa mereka yang telah ditanam dengan pengaruh ajaran-ajaran Kristian dari sejak kecil itu telah keras menjadi beku tidak boleh dilentur-lentur lagi ((bak aur sudah menjadi buluh)). Di kala itu dengan tidak dapat disekat-sekat lagi mereka akan menjauhkan diri dari ajaran-ajaran agama yang sebenarnya. Di mana terletaknya punca kesalahan ini? Sebagai menjawabnya tentu sahaja dari punca pendidikan yang salah, pendidikan-pendidikan yang tidak mempunyai asas (('aqīdah al-Islāmiyyah)) yang terlebih dahulu wajib ditanamkan ke jiwa kanak-kanak.

² Perkataan 'dan' diulang dua kali dalam teks Jawi.

Buta agama:

Memang satu perkara yang sulit sekali buat kita untuk menyekat keluarga-keluarga Islam yang merelakan dirinya masuk ke dalam perangkap yang sentiasa dipasang oleh pengembang-pengembang agama Kristian itu. Kita tidak boleh mengatakan yang mereka itu tidak tahu akan bahaya-bahaya ini, malahan mereka mengetahui dan lebih dari mengetahui, tetapi kerana memandang kepada umpan-umpan yang dibubuhkan ke dalam perangkap itu sangat menarik, meruntun jiwa dan membuka selera, maka dengan sedikit pun mereka tidak menaruh apa-apa perasaan cemburu, buah-buah hati yang mereka kasihi itu mereka kirimkan juga ke pangkuan pengembang-pengembang agama Kristian itu. Akibatnya manakala mereka dipulangkan semula ke pangkuan ibu bapa dan kaum keluarganya, mereka kembali dengan dada membusung, mengaku diri sebagai orang yang telah maju, orang moden, malahan lebih dari itu mereka dengan terang-terangan berani memuja-muja keindahan pengajaran-pengajaran agama Kristian, mendendangkan ayat-ayat Injil dan menyematkan lencana-lencana berbentuk cross (salib) di atas dada-dada mereka, sedang keluarga mereka tidak dapat berbuat apa-apa selain daripada buat pura-pura tak mengerti segala apa-apa yang dilakukan di hadapan mata kepada mereka oleh teruna dan gadis-gadis mereka yang telah menyeleweng dari agama suci yang mereka anuti itu.

Imitasi (tabiat meniru-niru) adalah tabiat semula
jadi yang telah dijadikan oleh Tuhan di dalam jiwa
setiap makhluknya yang berjenis manusia, terutama kalau
manusia itu masih berada di alam kanak-kanak. Intimasi
bagi seorang kanak-kanak mempunyai peringkat-peringkat yang tertentu
menurut tingkatan peralihan umur seorang kanak-kanak dari
tahun demi setahun sehingga umurnya meningkat

memasuki alam dewasa di mana seorang manusia yang telah meningkat ke umur dewasa ini akal fikirannya sudah mulai matang dan pendirian hidupnya mulai tetap tak mudah digoncang dan dipengaruhi oleh anasir-anasir penyelewengan.

Kisah seorang anak:

Dalam memperkatakan soal imitasi ini saya teringat kepada seorang bapa yang telah menceritakan kepada saya tentang tabiat meniru-niru yang benar-benar berlaku ke atas diri seorang anak lelakinya, katanya:

((Anak saya itu dari sejak kecil lagi telah meniru-niru saya sewaktu saya mengerjakan sembahyang, segala gerak-geri yang saya lakukan dalam sembahyang itu diikutinya dengan betul, begitulah pada setiap kali saya sembahyang anak saya itu kerap kali berada di belakang saya meniru-niru perbuatan saya menyembah Allah yang Maha Esa itu. Saya adalah salah seorang pegawai kerajaan yang berkhidmat di pejabat Kementerian Luar Negeri. Pada suatu masa saya diperintahkan untuk bertugas di luar negeri. Saya telah dihantar oleh kerajaan bertugas ke sebuah negara Barat. Oleh kerana dalam negeri tempat saya memegang jawatan yang baharu itu tidak ada didapati taman-taman asuhan Islam, maka saya terpaksa memasukkan anak saya (barangkali kanak-kanak itu berumur antara 3 atau 4 tahun – penterjemah), ke sebuah kindergarten Kristian di kota Barat tempat saya bertugas itu.

Dalam masa beberapa bulan sahaja saya sangat terkejut dengan perubahan sikap anak saya itu, kalau saya sembahyang ia tidak mahu lagi mengikuti di belakang saya seperti yang biasa dilakukannya pada masa-masa yang lampau, meskipun demikian tidaklah begitu saya hiraukan sangat,

lantaran saya mengetahui dalam masa umurnya yang sebegitu kecil, ia belumlah termasuk di dalam tingkatan umur kanak-kanak yang mesti dipaksa sembahyang oleh kedua ibu bapanya. Tetapi yang sangat mengharukan perasaan saya pada suatu hari saya terlihat anak saya itu mengerjakan sembahyang dengan bersendirian menghadapi sebuah meja kecil, sembahyang yang dilakukannya itu bukanlah secara sembahyang yang biasa diperbuatnya bersama-sama dengan saya dahulu, (ada berdiri, rukuk, *i'tidāl* dan sujudnya — penterjemah) tetapi sembahyang yang ia lakukan itu ialah sembahyang cara orang-orang Kristian, bertelut dan menundukkan kepalanya di hadapan sebuah meja.

Ini terpaksa saya cuba bertindak dengan secara lembut untuk memimpin anak saya itu kembali kepada melakukan sembahyang menurut cara-cara Islam agama suci yang dianuti oleh kedua ibu bapanya; untuk memperbetulkan kembali penyelewengan yang telah tertanam di jiwa anak saya itu, saya terpaksa berhati-hati dan terpaksa menempuhi berbagai-bagai kesukaran, saya tak mungkin bersikap keras membabi-buta terhadap anak saya itu, lantaran apa yang telah saya pelajari dari buku-buku pendidikan moden karangan sarjana-sarjana ilmu pendidikan antarabangsa, darinya saya mengetahui bahawa umur seorang kanak-kanak yang telah meningkat 4 tahun atau 5 tahun ke atas, segenap jiwa raganya telah mulai dibekalkan oleh tabiat semulajadi yang biasa didapati dari perkembangan hidup seorang manusia dengan apa yang dinamakan ((inisiatif penentangan)); (dengan perkataan yang lebih jelas lagi, jika jiwa seorang kanak-kanak yang umurnya telah meningkat kepada 4 atau 5 tahun ke atas telah dapat dipengaruhi oleh sesuatu anasir penyelewengan dalam berbagai-bagai aspek, maka untuk memimpin kembali jiwanya ke arah jalan yang benar adalah agak sukar dan berhajat kepada kebijaksanaan berdasarkan asas-asas ilmu jiwa yang agak mendalam, lantaran pada ketika itu inisiatif penentangan yang mengelubungi segenap jiwa raganya sangat keras, ia akan menentang apa sahaja percubaan-percubaan untuk menyekat kemahuan anasir-anasir penyelewengan yang tertanam di sanubarinya – penterjemah). Begitu pulalah halnya – kata si bapa yang menceritakan tentang penyelewengan anaknya kepada penulis makalah ini – dengan anak saya itu, ia telah enggan mengikuti cara saya bersembahyang sebagaimana yang pernah dilakukannya setiap waktu semasa di tanah air dahulu.))

Kisah seorang pelajar:

Kisah yang telah saya ceritakan di atas memang benar terjadi, bukan suatu cerita rekaan yang saya ada-adakan menurut pemikiran saya sendiri. Ada lagi satu kisah yang lain yang mana sumber terbitnya kisah ini adalah dari pengalaman saya sendiri, ceritanya begini:

((Pada suatu hari saya telah mengunjungi salah sebuah sekolah menengah perempuan, ketika itu saya terlihat seorang pelajar wanita memakai sebuah lencana berukiran ((salib)) tergantung di dadanya, di sebelah bawah ukiran ((salib)) itu tertulis nama campuran antara nama seorang Muslimah dan *Masiḥiyyah* (Kristian) – umpamanya Jenny Fatimah – penterjemah.

– Pada mulanya memang saya menyangka bahawa pelajar itu tentulah seorang penganut agama Salib, tetapi setelah saya perhatikan pelajar itu berulang kali menghadiri kelas pendidikan agama Islam, ketika

itu hati kecil saya pun tertanya-tanya, adakah pelajar itu seorang Muslimah ataupun seorang Masihiyyah ataupun ayahnya seorang Muslim dan ibunya seorang Kristian. Maka untuk menghilangkan keraguan saya itu, saya pun lantas bertanya kepada seorang guru di sekolah itu tentang agama yang dianuti oleh pelajar wanita yang memakai lencana salib itu. Setelah saya menerima jawapan dari guru itu mengatakan dia itu adalah seorang pelajar Muslimah, kedua ibu bapa dan keluarga terdiri dari orang-orang Islam seratus peratus, maka dengan tidak berlengah-lengah lagi saya pun lantas pergi menemui pelajar tersebut, daripadanya sendiri saya minta keterangan apa rahsia yang mendorongkan jiwanya sanggup menyematkan lencana simbol agama Kristian itu di dadanya, sedangkan dia adalah seorang penganut agama Islam. Pertanyaan saya itu dijawabnya dengan tenang: ((Kerana paderi wanita yang mengajar saya semasa belajar di sekolah rendah dahulu adalah seorang wanita Kristian yang bertabiat lemah-lembut, bersopan-santun dan sangat pandai menarik hati murid-muridnya dalam pergaulan sehari-hari di dalam dan di luar sekolah, sehingga saya dan rakan-rakan saya sangat kasih kepadanya dan kesan-kesan pendidikan yang telah diberikannya kepada saya itu meninggalkan kesan yang mendalam di jiwa saya. Sewaktu saya tamat belajar di sekolah rendah dan semasa saya akan berpisah dengannya, dengan kata-kata yang tersusun rapi diiringi pula dengan nada suaranya yang merayu-rayu menyayat kalbu, dia dengan panjang lebar menerangkan kepada saya dan rakan-rakan saya akan kesucian salib dan ketinggian pengajaran-pengajaran yang

dibawa oleh agama Salib itu, dia sekali-kali tidak
mendesak saya dan rakan-rakan saya supaya kami
mempercayai agama Kristian yang dianutinya itu,
tetapi dia hanya menghadiahkan kepada saya sebuah
lencana yang berukiran salib ini dan meminta supaya
saya memakainya pada setiap waktu. Nama paderi wanita
guru saya yang sangat saya kasihi itu ialah
Miss Jenny dan nama saya Fatimah. Oleh sebab
mengenangi jasa seorang guru yang saya cintai
itu, maka saya pun mengukirkanlah nama guru saya
Miss Jenny dikembarkan dengan nama saya sendiri.
Inilah rahsianya yang saya sentiasa memakai lencana
bersimbol salib ini)).

Alasan yang diberikan oleh pelajar wanita itu memang logik juga jika dipandang dari segi emosi ((kasih mesra)) terhadap sesama makhluk Tuhan. Tetapi jika dipandang dari segi kaca mata (('aqīdah Islāmiyyah)) adalah salah, kerana mendewa-dewakan simbol sesuatu agama yang bertentangan dengan pengajaran-pengajaran yang dibawa oleh Islam itu adalah dianggap satu penyelewengan yang melanggar tatasusila undang-undang (syariat) Islam. Yang boleh membawa seseorang Islam itu menjadi syirik, sedangkan dalam Islam ada berjuta-juta ayat-ayat suci yang sumbernya boleh diambil dari kita suci al-Qur'ān yang lebih sesuai untuk dijadikan simbol-simbol lencana untuk dipakai oleh putera dan puteri Muslimin. Mengapa kita mesti menggunakan simbol orang lain yang mana simbol itu menggambarkan Nabi Allah 'Isā disalib yang mana kepercayaan itu adalah bertentangan dengan kepercayaan yang dibawa oleh al-Qur'ān dan al-ḥadīth.

Dalam majalah Qalam bilangan akan datang kita sambung makalah ini untuk menerangkan bahagian kedua tentang tabiat kecenderungan seorang kanak-kanak kepada permainan yang berupa lakonan (dramatik). – Pengarang.

Ekonomi dan Wanita

Sebagaimana yang telah kita janjikan dalam ruangan "Alam Wanita" di majalah Qalam keluaran bulan Mei 1969 yang lalu, bahawa kita akan menyiarkan tiga kertas kerja yang telah dikemukakan di dalam persidangan "Seminar Penulis-penulis Wanita" di Kuala Lumpur pada 30 dan 31 haribulan March 1969 yang lalu, maka inilah kita siarkan pula kandungan lengkap kertas kerja yang kedua berjudul "Ekonomi dan Wanita" yang ditulis oleh Cik Rafidah Aziz – seorang pensyarah wanita di Fakulti Ekonomi Universiti Malaya.

Cik Rafidah – sebagai seorang tokoh ekonomi – dalam kertas kerja yang ditulisnya itu telah menyeru dan menggesa seluruh penulis-penulis wanita tanah air supaya menggunakan pena mereka untuk "menghancurkan" pembekuan wang yang dilakukan oleh kaum wanita di negeri ini. Di antara lain katanya: "Perbuatan membekukan wang dengan menyimpan di bawah tilam dan dengan membeli barang-barang perhiasan yang mahal-mahal adalah merugikan pembangunan ekonomi negara ini."

Untuk mengetahui lebih lanjut pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh beliau di sidang "Seminar Penulis-penulis Wanita" yang berlangsung selama dua hari itu, maka bacalah kandungan kertas kerjanya yang kita siarkan dengan

(Oleh: Cik Rafidah Aziz)

Peranan Wanita dalam Ekonomi:

lengkap di bawah ini – Pengarang.

Dalam membincangkan peranan wanita dalam ekonomi, haruslah kita mengira sumbangan wanita dalam semua lapangan atau kegiatan kerana perkataan ekonomi itu sangat luas, meliputi seluruh hidup manusia.

Wanita dalam ekonomi bermakna dalam kehidupan hari-hari, sama ada aktif atau pasif dalam masyarakatnya. Tetapi kerana kaum wanita hanya dapat menegaskan tentang kedudukan serta sumbangan mereka terhadap kemajuan dan pembangunan, kalau mereka bersifat aktif, dan bertugas secara praktik.

Faktor-faktor Pendorong Wanita

dalam Ekonomi Negara:

Sebelum kita bincangkan serba sedikit tentang peranan wanita-wanita di negara kita ini, eloklah kita

Alam Wanita

tinjau dahulu apakah faktor-faktor yang dapat

mendorong wanita mengambil peranan yang lebih berkesan dalam

ekonomi negara-negara terutamanya negara-negara yang sedang

membangun seperti Malaysia ini.

Pertama, kita dapat melihat melalui sejarah,
bahawa pelajaran, dan pengetahuan yang telah tersebar
melaluinya, adalah merupakan satu faktor yang penting
dalam membawakan wanita ke hampir-hampir semua lapangan kegiatan
ekonomi. Dengan sampainya pelajaran kepada kaum wanita
mereka telah dapat menjalankan tugas-tugas yang terdahulunya
dibuat oleh kaum lelaki sahaja. Pelajaran, pengetahuan
dan latihan telah membolehkan wanita-wanita meninggikan daya
pengeluaran mereka, (dan di akhir-akhir ini mendesak
pengiktirafan yang mereka itu patut mendapati hak saksama

dengan pihak lelaki!) semenjak pertengahan kurun ke sembilan belas, negara-negara seperti Britain, Amerika Syarikat, Eropah Barat dan juga India, telah mula menyedari akan betapa pentingnya sumbangan wanita kepada keluaran negara; dan telah pula meluaskan beberapa undang-undang yang memberi hak-hak khas, dan membuka peluang kepada wanita memegang pekerjaan-pekerjaan yang sebelum itu, dijalankan oleh lelaki sahaja.

Martabat Wanita:

Tambahan pula, dengan pesatnya negara mencapai pembangunan dan kemajuan, maka martabat wanita telah juga naik, dengan pemberian hak-hak mendapat gaji sama, tandingan saksama bagi martabat peluang-peluang bekerja, dan kebebasan berkecimpung dalam apa-apa juga aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan oleh mereka. Semuanya ini telah mewujudkan dua akibat-akibat yang agak penting.

Pertama, wanita-wanita telah dapat menambahkan jumlah tenaga buruh negara (khasnya tenaga buruh yang mahir dan terlatih), dan ini telah pula meninggikan daya pengeluaran ekonomi.

Kedua, dari segi kemasyarakatan dan juga ekonomik, telah didapati kesan-kesan yang menguntungkan, atas perkembangan penduduk-penduduk. Negara-negara sedang maju memang mengalami tambahan-tambahan penduduknya sangat cepat (kadar di negara kita ialah 3% - 3.5% setahun!), dan ini menjadi satu faktor yang boleh menyungguh¹ atau membebankan rancangan-rancangan pembangunan; penduduk-penduduk yang terlalu ramai bukan sahaja merupakan masalah sosial, tetapi



Cik Rafidah Aziz – penulis kertas kerja ini.
lebih penting lagi satu perkara yang akan menyebabkan
penggunaan punca-punca keluaran negara semata-mata untuk
memberikan makanan dan keperluan-keperluan asas sahaja; dan
mungkin taraf hidup juga akan turun.

Tugas Wanita dalam Ekonomi:

Bagaimana dengan kaum wanita mempunyai pengetahuan tentang betapa pentingnya penduduk-penduduk dikawal pertambahannya, maka pembangunan negara dapat dicapai dengan lebih cepat, tanpa pertambahan penduduk mengatasi tambahan pengeluaran.

Apabila kita cuba mengkaji apakah cara-caranya yang wanita dapat bertugas dalam ekonomi, maka sudah tentu kita akan mengira pada mulanya mereka-mereka yang ((bekerja)), atau yang menyumbangkan tenaga mereka dalam mana lapangan sekalipun. Tetapi peranan wanita dalam ekonomi bukan setakat pekerjaan yang mereka buat sahaja. Wanita boleh memberika kesan-kesan atas ekonomi melalui cara-cara mereka menggunakan wang, membuat simpanan, melalui sikap mereka terhadap pertubuhan-pertubuhan dalam ekonomi mereka, dan juga melalui mundur atau majunya cara-cara fikiran

¹ Perkataan sebenar ialah 'menangguh'.

mereka. Untuk melihat lebih lanjut bagaimana faktor-faktor ini penting, bolehlah kita bincangkan satu persatu.

Kepentingan Wanita

dalam Asas Ekonomi:

Bila mengkaji tenaga buruh di Malaysia buat², kita dapati bahawa, daripada jumlah penduduk-penduduk wanita, sebanyak 36.4% dari mereka adalah dikatakan ((bekerja)), atau membuat pekerjaan, dibandingkan, dengan jumlah 81.8% dari penduduk-penduduk lelaki. Dari jumlah wanita yang bekerja pula, 68% adalah berumur di antara 15-39 tahun, iaitu kumpulan umur yang masih kuat tenaganya, atau yang daya pengeluarannya lebih tinggi. Tetapi, gambaran ini tidak lengkap dan tidan memberi kesan kalau tiada diterangkan selanjutnya apa pekerjaan-pekerjaan yang dibuat oleh wanita-wanita ini. Perangkaan-perangkaan telah menunjukkan bahawa kira-kira 66% dari wanita yang bekerja di Malaysia Barat adalah bekerja dalam lapangan pertanian. Sebaliknya pula Cuma 5% bekerja dalam lapangan profesional dan teknik, 2.7% dalam kerja-kerja kerani, dan hanya 0.2% dalam kerja-kerja pentadbiran. Dari angka-angka ini kita dapat bahawa di negara ini belum ramai, wanita-wanita yang masuk ke dalam lapangan pekerjaan yang berkehendakkan pelajaran tinggi dan latihan yang lama. Bagaimanapun kaum wanita sangat penting dalam asas ekonomi kita, kerana mereak yang di dalam lapangan pertanian merupakan hampir-hampir separuh daripada jumlah tenaga buruh di luar bandar Malaysia Barat. Perlulah ditegaskan bahawa mereka ini bekerja dalam perusahaan-perusahaan seperti getah yang merupakan satu sumber eksport yang utama dan dalam penanaman padi, iaitu makanan asas rakyat kita. Oleh itu dengan secara langsung, wanita

di negeri ini memberi sumbangan yang penting kepada keluaran negara.

Di sebaliknya pula, bagaimana tentang bakat atau harapan untuk memperolehi lebih lagi wanita-wanita masuk bekerja ke lain-lain lapangan, seperti pentadbiran?. Jika dilihat dari tingkat pelajaran yang telah dicapai oleh wanita-wanita yang dalam kumpulan penganggur, atau tidak bekerja, kita akan dapati bahawa 18.5% dari mereka tiada langsung mempunyai apa-apa pelajaran rasmi; sementara itu 50% telah mendapat persekolahan rendah sahaja, 23% persekolahan menengah, dan 4.7% persekolahan tinggi. Dari angka-angka ini, dapat kita jangkakan bahawa hampir dua pertiga dari wanita-wanita yang tidak bekerja itu tidak banyak kemungkinan menyumbangkan tenaga dalam tenaga buruh pada masa hadapan.

Simpanan Wang di Bawah Tilam:

Selain dari pekerjaan yang mereka buat itu,
wanita juga, seperti yang telah disebutkan tadi, boleh
memainkan peranan mereka dalam ekonomi dengan secara
yang agak tidak langsung. Negara-negara yang sedang maju
selalunya dikaitkan dengan masalah kekurangan modal.

Kekurangan modal ini pula berpunca dari sikap
penduduk-penduduk terhadap penggunaan pendapatan mereka,
terhadap simpanan dan seterusnya ini memberi kesan
atas timbunan modal yang akan dapat menolong meninggikan
taraf hidup di masa hadapan. Bahkan modal itu
sangat penting dalam keluaran negara-negara maju, khasnya
dalam keluaran pertanian mereka, seperti di Malaysia ini.

Dalam perkara modal ini ada kaitannya dengan wanita.

Pertama, telah ditegaskan oleh beberapa orang ahli-ahli ekonomi, melalui penyelidikan mereka, bahawa

² Perkataan sebenar ialah 'Barat'.

sungguhpun ada kelebihan daripada pendapatan-pendapatan mereka, penduduk-penduduk di negara-negara sedang maju tidak sepenuhnya mengalurkan lebihan-lebihan ini ke tujuan-tujuan yang produktif. Satu faktor yang selalu disebutkan ialah bahawa penduduk-penduduk ini lebih suka menyimpan — beku wang mereka (iaitu disimpan di bawah tilam, dalam tabung dan sebagainya — dan wang itu tidak ada mendatangkan pendapatan-pendapatan keuntungan), dan juga menukarkan lebihan pendapatan-pendapatan mereka dengan barang-barang kemas, terutamanya emas. Perbuatan ini mengeluarkan wang daripada pusingan, dan kerana simpanan secara ini tidak langsung mendatangkan atau mewujudkan pelaburan (tanam modal), maka modal tidaklah bertambah.

Mengapakah ditegaskan cara-cara simpanan begini? Sebabnya ialah, simpanan seperti ini boleh dikatakan hanya



Puan Annie McBean seorang penulis wanita bangsa Eropah yang tunggal menghadiri "Seminar Penulis-penulis Wanita".

dilakukan oleh kaum wanita – iaitu bermakna bahawa dengan cara-cara simpanan yang tidak produktif ini, wanita-wanita melambatkan proses timbunan modal yang sangat-sangat perlu di negara seperti Malaysia, terutama di lapangan pertanian. Sekiranya sikap wanita-wanita ini dapat dipengaruhi, supaya modal digunakan untuk pelaburan, tentu daya keluaran ekonomi akan bertambah.

Syarikat Kerjasama Penting:

Dan ini membawakan kita kepada perkara tentang sikap wanita-wanita terhadap pertubuhan-pertubuhan dalam ekonomi kita. Satu daripada pertubuhan-pertubuhan itu ialah syarikat-syarikat bekerjasama, yang merupakan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang dibentuk bersama-sama oleh ahli-ahlinya untuk memperbaiki kedudukan ekonomi dan sosial mereka, melalui penumpuan modal dan tenaga. Syarikat-syarikat kerjasama boleh didapati menjalankan tugas-tugas pemasaran, kedai barang-barang runcit, simpanan dan pinjam-meminjam, dan juga menjalankan ansuran-ansuran perniagaan-perniagaan lain.

Dalam Malaysia Barat daripada sejumlah 3,115 buah syarikat-syarikat kerjasama dalam tahun 1966, cuma terdapat 84 syarikat-syarikat yang diuruskan atau ditubuhkan oleh wanita-wanita dengan bilangan ahli-ahli seramai 3,121 orang. Antara jenis ansuran lain, 27 syarikat menjalankan tugas simpanan dan pelaburan, 42 kredit di luar bandar, dua tenunan, dua membeli tanah, dan satu syarikat-syarikat kerjasama merupakan satu cara pengendalian ansuran-ansuran ekonomi, terutama di luar bandar, yang boleh menguntungkan ahli-ahli.

Oleh itu kaum wanita dalam kawasan pertanian khasnya, dapat meninggikan beberapa aspek-aspek taraf ekonomi mereka melalui penyatuan dalam syarikat-syarikat kerjasama, misalnya dengan menubuhkan syarikat-syarikat untuk

menjalankan urusan pembuatan dan penjualan pertukangan tangan. Satu lagi urusan yang berfaedah ialah pengumpulan modal untuk pelaburan, dalam mana modal pokok akan mewujudkan modal yang lain, melalui keuntungan-keuntungan dan divident-divident.

Syor Tanpa Sokongan:

Setakat ini kita boleh perhatikan bahawa di Malaysia belum ada suatu gabungan wanita yang bertugas untuk semua wanita, tidak kira di bandar atau di luar bandar, atau bekerja dalam apa-apa lapangan sekali pun. Apa yang ada ialah beberapa pertubuhan-pertubuhan berasingan yang cuma menjaga atau mementingkan keperluan-keperluan satu-satu tujuan, misalnya gaji sama untuk bekerja yang sama. Tanpa satu gabungan secara persekutuan atau *federal*, kaum wanita akan masih berbelah-bagi dalam pandangan dan sikap mereka.

Dalam Seminar Hari Wanita yang pertama dahulu, telah ditegaskan betapa pentingnya ditubuhkan satu kementerian, supaya bertugas di bawah satu kementerian, supaya dapat wanita-wanita seluruh negara menyalurkan semua masalah-masalah mereka. Tetapi kecewa, oleh kerana tiadanya sokongan yang sepenuhnya, syor itu tinggal di atas kertas sahaja. Bagaimana dengan adanya kemungkinan untuk dilantik seorang menteri wanita kelak, mungkin perkara ini akan dibangkitkan semula. Sebenarnya tidak banyak faedahnya. Kaum wanita menyuarkan pandangan-pandangan mereka dari beberapa segi, sekiranya tiada satu pusat yang sanggup menerima semua masalah-masalah, syor-syor, dan boleh pula mengambil tindakan sewajarnya.

Soal Gaji Sama:

Semenjak beberapa tahun yang baharu lepas ini, kaum wanita kita, terutama di lapangan perguruan, telah mengemukakan satu persoalan yang juga merupakan sungutan di beberapa negara-negara lain, dalam mana wanita-wanita telah muncul ke barisan hadapan ekonomi – iaitu soal pembayaran upah yang sama dengan kaum lelaki untuk kerja yang sama. Soal ini berdasar hujah ekonomi bahawa sekiranya daya pengeluaran sama, maka upah mestilah sama juga.

Semenjak Konvensyen Buruh dalam tahun 1951
di Bangsa-bangsa Bersatu, soal ini telah dibentangkan dengan
desakan-desakan yang kuat. Bagaimanapun di Malaysia ini, tidak
semua kaum wanita yang bekerja akan terlibat sekiranya
diluluskan undang-undang membayar gaji sama ini – banyak
lapangan-lapangan pekerjaan, misalnya di lapangan perindustrian,
di mana faedah ini tidak mungkin diperolehi. Masih
akan terdapat majikan-majikan mengecualikan wanita-wanita dari
beberapa jenis pekerjaan dan menghalang mereka membuat
kerja-kerja ((overtimes)) pada waktu malam misalnya.

Sebaliknya pula wanita-wanita itu sendiri mungkin merupakan satu kumpulan buruh yang sangat kurang mobilitinya – misalnya mereka tidak mendorongkan wanita-wanita itu diberi gaji sama dengan kaum lelaki yang lebih bermobiliti. Juga, sikap setengah-setengah kaum wanita terhadap bekerja tidak menggalakkan majikan memberi upah sama dengan lelaki. Ramai wanita-wanita bekerja hanya untuk sementara dan oleh itu, kadar penggantian pekerja-pekerja wanita lebih besar; ini mengenakan kos yang tinggi kepada pengusaha atau majikan; kerana terpaksa melatih pekerja-pekerja baharu, dan boleh mengganggu pengeluaran.

Kesimpulan:

Walau bagaimanapun wanita-wanita seluruhnya masih boleh memberi sumbangan yang sepenuhnya kepada pembangunan ekonomi, dan sebaliknya diberikan perhatian yang saksama dengan kaum lelaki, kalau ada pertubuhan di peringkat

atasan yang boleh menjaga kepentingan wanita. Pembangunan ekonomi hanya boleh dijalankan secara sistematik, dan untuk menjalankan tugas mereka dalam pembangunan ekonomi ini, kaum wanita juga perlu bergerak secara keseluruhan, dan teratur.

Rumusan-rumusan yang diambil

dari kertas kerja ini

dalam sidang 31.3.69.

Penulis-penulis wanita boleh memberi kerjasama
yang baik untuk pembangunan ekonomi dan
negara. Ini boleh dilakukan oleh mereka
melalui penyiasatan dan kemudian menyalurkannya
dalam bahan-bahan bacaan dan pendengaran.

- Dalam bidang ekonomi penulis-penulis wanita
 perlu untuk memberi kesedaran kepada sebahagian
 orang Melayu yang sempit fikiran mereka
 dengan cara yang lebih berkesan.
- 3. Penulis-penulis wanita juga perlu berani
 menyebarkan fahaman baru di samping menyuarakan
 segala rasa tidak puas hati untuk
 perkembangan ekonomi melalui tulisan
 mereka. Ini temasuklah memerangi pembekuan
 wang bagi menyegerakan perlaksanaan perkembangan
 ekonomi itu.

Rumusan-rumusan ini dipetik dari:

Utusan Malaysia bilangan (183)

Keluaran 1 haribulan April 1969.



Sebahagian dari 100 orang para peserta dalam "Seminar Penulis-penulis Wanita" itu sedang ketawa riang mendengar ucapan En. Senu Abdul Rahman pada hari pembukaan seminar tersebut.

(Gambar dipetik dari Utusan Malaysia).



Di dalam keadaan dukacita dan kesusahan yang terjadi dengan adanya perintah berkurung di ibu kota,

Petaling Jaya dan di lain-lain tempat ada pula satu berita yang menggembirakan perasaan, iaitu dengan kesanggupan Tun Dr. Ismail kembali memegang jawatan sebagai Menteri Dalam Negeri. Langkah beliau itu seperti sirih pulang ke gagang, pinang pulang ke tampuk, janggut pulang ke dagu, belut pulang ke lumpur. Kita mengangkat tangan mengucapkan tahniah kepada beliau kerana kita tahu bahawa beliau adalah seorang pemimpin bersifat tegas dan berani serta bersungguh-sungguh menjalankan tugas dengan tidak memandang bulu. Sedikit bercakap banyak bekerja — Tuan doktor!

* * *

Tun Abdul Razak adalah seorang pemimpin negara yang telah dilantik menjadi ketua gerakan kebangsaan di dalam masa darurat ini. Ertinya beliau berkuasa membuat peraturan-peraturan dan mengatur kerja-kerja yang difikirkan patut dan berfaedah bagi rakyat negeri ini dengan tidak payah mendapat persetujuan dari *Parliment*. Beliau bercita-cita menubuhkan tiga batalion regimen baru! Ini patut disebut dan disyukuri, kerana terasa benar sungguhpun kita sudah dapat mengawal keamanan, tetapi tambahan patut dibuat. Kerana itu sikap tegas patut sekali dijalankan dalam saat negara menghadapi darurat – kan ini untuk kebaikan dan keselamatan seluruh rakyat dan negara!?

Di Turki suatu pasukan yang terkenal dengan

nama ((Free Missionary)) yang dibina di Eropah sebagai

satu pasukan keamanan yang berdasarkan persaudaraan

telah diharamkan, kerana didapati pertubuhan itu ialah

alat perisik rahsia. Di Soviet Rusia pertubuhan itu

menggunakan Roman Katolik dan kerana itu Roman

Katolik diharamkan, sedang di Pakistan kerajaan

Pakistan sedang didesak supaya mengharamkan golongan-golongan

ini, sebab di dalamnya ada pula membawa unsur-unsur Yahudi

yang sangat dibenci dan cuba berusaha hendak

meruntuhkan Islam dari dalam. Bagaimana kita di tanah

Melayu – adakah yang demikian ini menjadi perhatian?

* * *

Pemimpin-pemimpin kita dan orang-orang yang terkemuka di dalam masyarakat Islam selalu di dalam perayaan-perayaan yang berunsur Islam mengatakan: ((Hendaklah kita patuh dan taat mengikuti ajaran agama Islam supaya selamat hidup kita)). Satu ajaran Islam yang dilanggar terang-terang oleh masyarakat Islam, oleh wanita-wanitanya, kebanyakannya di dalam majlis syarahan-syarahannya, peraduan Qur'annya atau berzanjinya, sama ada di hadapan umum atau di televisyen, tidak berpakaian sebagai yang dikehendaki oleh agama dan melanggar tegahan agama – iaitu membuka aurat yang disuruh oleh agama di dalam firman Allah yang maksudnya: ((Janganlah mereka (perempuan) itu menampakkan perhiasan mereka melainkan apa yang lahir sahaja, dan hendaklah mereka hulurkan tudung mereka di atas dada mereka)). Firman-Nya lagi (maksudnya) ((Hai Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anakmu dan perempuan-perempuan Islam menghulurkan tudung mereka atas (muka) mereka)). Ini perintah wajib ditaati dan hukum ini tidak mansūkh. Di manakah akuan kita yang taat kepada hukum Allah? Kita hanya bertanya.

Cemeti al-Farouk.

BUKU2 SIRI "KESAH DAN PERISTIWA"

Terbit pada bulan April – Untok darjah III Sekolah Rendah Ugama
Qalam sedang menyiapkan khidmat-nya untok menambah pengetahuan
murid2 Sekolah Rendah Ugama Persekutuan berkenaan dengan sejarah
Islam yang mengenai Nabi Muhammad s.a.w. Buku2 di-bawah ini di-susun
mengikut kehendak sukatan pelajaran Sekolah Rendah Ugama Islam, sekolah2 Malaysia, di-buat sa-bagai bachaan tambahan untok meluaskan pengetahuan murid2.

1. PENDAMAI (Nabi dan Peristiwa Membaikki Ka'bah.

harga 60 sen.

2. PERANG AL-FIJAR (Asal mula-nya – kesah-nya

dan 'akibah-nya).

harga 60 sen.

3. PEDAGANG (Perjalanan Nabi bersama2 Maisarah

berniaga ka-Sham)

harga 60 sen.

4. PUJOKKAN (Cherita Kafir Quraish memujok Nabi

menghentikan da'wah-nya).

harga 75 sen.

5. CHUBA MEMBUNOH (Riwayat Du'thur hendak

membunoh Nabi).

harga 40 sen.

Buku2 di-atas ia-lah bagi bachaan tambahan murid2 darjah III.

Sedang di-siapkan buat darjah IV:

 DI-GUA HIRA' (Wahyu yang di-terima dan di-turunkan kapada Nabi s.a.w.)

2. PENJELASAN (Keterangan2 Waraqah bin Nawfal

mengenai wahyu yang di-terima Nabi).

3. PAHLAWAN (Islam-nya Sayidina Hamzah dan

Sayidina 'Umar).

- 4. JAYA (Kejayaan Nabi Menghadapi Rintangan).
- 5. SERUAN (Nabi Menyampaikan Seruan-nya

kapada keluarga-nya).

Untok darjah VI dan Tingkatan Menengah II:

1. ABU BASHER (Perjanjian Hudaibiah dan kesan2-nya.

Sa-mua buku2 ini di-chetak di-dalam huruf2 Rumi)

Sa-tiap pesanan sertakan

wang stem 15 sen.

Tempah-lah dari sekarang kapada:

QALAM

8247, Jalan 225, - Petaling Jaya,

Selangor - Malaysia.

Telipon: 562481.